


Jilid I
Bil. 67



Hari Rabu
19hb November, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7473]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18 [Ruangan 7497]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 [Ruangan 7499]

USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 [Ruangan 7500]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 19hb November, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jejebu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

Yang Berhormat TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).

- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K. DATUK SRI PADUKA RAJA (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).

„ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).

- Yang Berhormat TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PENDAFTARAN PENGUNDI

1. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan samada Jawatankuasa Kabinet yang dibentuk untuk mengkaji kemungkinan mengadakan pendaftaran pengundi-pengundi di sepanjang tahun telah menyiapkan kajiannya dan nyatakan samada Jawatankuasa tersebut telah memutuskan untuk melaksanakan pendaftaran pengundi-pengundi pada sepanjang tahun.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dinyatakan dalam sidang Dewan ini pada 9-7-75, Suruhanjaya Pilihanraya berpendapat pendaftaran pengundi sepanjang tahun tidak banyak faedahnya kalau dibandingkan dengan sistem yang berjalan sekarang ini.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu samada beliau sedar bahawa sistem pemilihan pengundi-pengundi yang dijalankan sekarang tidak memuaskan hati orang ramai, dan jika sedar apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masaalah ini?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, buat setakat ini Suruhanjaya Pilihanraya puas hati dengan sistem yang dijalankan sekarang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa di bawah sistem yang ada sekarang di mana setiap tahun ada satu bulan atau tempoh 40 hari untuk mendaftar pengundi-pengundi yang baru atau untuk menyusun alamat, ramai orang-orang yang layak menjadi pengundi tidak dapat mendaftar, dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini kenapa pihak yang berkenaan begitu enggan

mengadakan pendaftaran sepanjang tahun oleh kerana pendaftaran sepanjang tahun membolehkan seberapa ramai orang-orang yang layak mendaftar.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi Suruhanjaya Pilihanraya berpendapat setakat ini sistem yang dijalankan ini sangat memuaskan, dan saya suka lah meminta supaya ramai pengundi-pengundi menggunakan masa yang ditetapkan dari satu masa ke satu masa, saban tahun untuk mengambil peluang mendaftar dan dengan itu mereka dapat mengambil bahagian dalam Pilihanraya Umum dan Pilihanraya kecil.

TANAH WAKAF

2. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan samada satu arahan boleh dikeluarkan oleh Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kepada Majlis Hal Ehwal Islam Negeri-negeri di Malaysia supaya semua tanah-tanah wakaf dapat dijaga dan ditadbirkan oleh Jabatan Ugama Negeri-negeri berkenaan.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia tidak boleh mengeluarkan sebarang arahan kepada Majlis Ugama Islam Negeri-negeri tetapi kalau Ahli Yang Berhormat bersetuju Majlis Kebangsaan Malaysia bolehlah menyampaikan syornya itu kepada Majlis Hal Ehwal Islam Negeri-negeri.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri sedar berhubung dengan Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia tidak dapat campurtangan dalam hal ini mendatangkan satu masalah kepada Majlis-majlis Ugama yang ada mempunyai tanah wakaf di negeri-negeri, iaitu boleh menjadikan satu masaalah kehilangan harta yang tidak tertentu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu soalan lain.

HARGA MINYAK BENZINE

3. Tuan Leo Moggie anak Iroke (di bawah S. O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menerangkan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau untuk menolong

para nelayan dan penduduk luar bandar di Malaysia yang menggunakan minyak Benzine untuk motor sangkut mereka dalam usaha mencari nafkah hidup sehari-hari dan samada beliau akan menurunkan harga minyak untuk kepentingan rakyat yang miskin ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tidak lama dulu, Kerajaan sedang mengkaji kesan kenaikan harga minyak mentah yang dikenakan oleh OPEC, terutama kepada rakyat kita yang miskin termasuk nelayan.

Sementara itu Kerajaan akan terus membantu kaum nelayan samada menerusi Jabatan Perikanan atau Majuikan agar mereka (kaum nelayan) dapat menikmati taraf hidup yang sempurna.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan fikir perlu mengadakan bekalan minyak Kerajaan di kawasan-kawasan pendalaman seperti di Negeri Sarawak untuk mengurangkan harga minyak benzine di tempat-tempat tertentu?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian berkenaan dengan perkara ini.

RANCANGAN RUKUN TETANGGA

4. Tuan Oh Keng Seng minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau setuju dengan kenyataan yang dibuat oleh Datuk Abdullah Ahmad, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini bahawa rancangan Rukun Tetangga adalah suatu perkhidmatan nasional, jika ya, samada Kerajaan akan menimbang memberi latihan ketenteraan yang wajib kepada semua ahli dan melengkapkan mereka dengan senjata semasa bertugas.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, rancangan Rukun Tetangga bolehlah disifatkan sebagai perkhidmatan negara (National Service) dalam ertikata ianya melibatkan seluruh rakyat yang berumur antara 18 hingga 55 tahun. Dan sepertimana yang saya pernah katakan, Rukun Tetangga juga memberi peluang kepada setiap rakyat membuktikan taat setianya kepada Kerajaan dan negara ini.

Saya fikir tidaklah perlu diberikan latihan ketenteraan kepada ahli-ahli Rukun

Tetangga. Senjata akan diberikan kepada pasukan ronda Rukun Tetangga kalau didapati perlu kelak.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar oleh kerana keadaan keselamatan pada masa sekarang adalah sangat serious dan jikalau ahli-ahli Rukun Tetangga tidak diberi latihan tentera, maka keselamatan ahli-ahli itu tidak ada cukup protection. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang memberi latihan tentera kepada mereka.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi buat setakat ini tidak perlu pada fikiran kami, tetapi senjata akan diberikan. Kalau sudah beri senjata mesti dengan latihan barangkali kepada pasukan ronda Rukun Tetangga, kalau didapati perlu.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bercadang meluaskan gerakan Rukun Tetangga ini kepada semua kawasan, termasuk kawasan yang didiami oleh orang Melayu sahaja.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah hasrat Kerajaan untuk meluaskan kegiatan Rukun Tetangga ini di seluruh negara, tetapi buat sementara waktu ini memandangkan kepada keperluan kita hanya akan menumpukan kepada bandar-bandar dan di kampung-kampung di seluruh negara yang ada implikasi keselamatan.

BIRO SIASATAN NEGARA— SIASAT PENGADUAN

5. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan samada Biro Siasatan Negara telah menerima apa-apa arahan atau permintaan dari Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Haji Mustapha pada awal tahun ini untuk menyiasat ke dalam kemungkinan terdapat perkara-perkara yang tidak teratur yang berlaku dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan di Sabah dan jika ya, nyatakan samada Biro Siasatan Negara telah menjalankan penyiasatannya dan hasil penyiasatan tersebut.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menerangkan kepada Dewan ini bahawa adalah tugas dan

tanggungjawab Biro Siasatan Negara (B.S.N.) menyiasat pengaduan-pengaduan yang diterima olehnya samada mengenai Ahli Kerajaan ataupun kakitangan Kerajaan ataupun dari kalangan swasta, baik di Sabah atau di mana-mana negeri dalam Malaysia.

Permintaan bekas Ketua Menteri Sabah agar Biro Siasatan Negara menyiasat pelaksanaan projek-projek pembangunan di Sabah adalah dalam perhatian Biro Siasatan Negara.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah ertinya “dalam perhatian” atau “dalam siasatan”?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab “dalam siasatan”—dalam siasatanlah.

Tuan Lim Kit Siang: Sebab beliau berkata “dalam perhatian”. Jikalau dalam perhatian, boleh dibaca sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Perhatian atau siasatan?

Datuk Abdullah Ahmad: Perhatian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila jawab.

Datuk Abdullah Ahmad: “Dalam perhatian”. Saya suka juga memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu dari bulan Januari sehingga Oktober tahun ini sahaja di Sabah, Biro Siasatan Negara telah mengambil tindakan terhadap 15 orang termasuk 7 orang pegawai Kerajaan.

PEMBELIAN KAPALTERBANG F-5E

6. Tuan Farn Seong Than (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Kementerian beliau akan menyiasat pembocoran oleh Kongress Amerika bahawa komisyen (dalal) telah dibayar kepada Malaysia kerana membeli kapalterbang pejuang Northrop F-5E untuk T.U.D.M.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan kepada Dewan ini iaitu pembelian kapalterbang F-5E untuk Tentera Udara Di Raja kita telah dibuat secara Government-to-Government basis atau antara Kerajaan kita dengan

Kerajaan Amerika Syarikat. Oleh itu, perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinta tadi tidaklah berbangkit sama sekali.

Saya suka juga mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan khususnya Ahli Yang Berhormat itu supaya tidak terlalu gopoh mengambil kesimpulan semata-mata dari sebuah berita akhbar seperti yang nyata dalam perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Sungguhpun pembelian kapalterbang itu ialah kapalterbang pejuang Northrop F-5E antara Kerajaan dengan Kerajaan, adakah orang-tengah yang membuat perhubungan sebelum Kerajaan dengan Kerajaan membuat perjanjian (agreement)?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sila ulangkan soalan itu sekali lagi?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Adakah orang-tengah sebelum dibuat perjanjian dalam pembelian kapalterbang di antara Kerajaan dengan Kerajaan—adakah orang-tengah sebelum itu terlebih dahulu? Macam sebelum orang kahwin sudah ada orang yang meminangnya terlebih dahulu (*Ketawa*).

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya tidak ada.

RASUAH—MENUBUHKAN JAWATANKUASA

7. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) memandag kepada tuduhan oleh pemimpin-pemimpin Berjaya bahawa terdapat banyak rasuah di Kerajaan Negeri Sabah, adakah Kerajaan akan menubuh satu Jawatankuasa untuk menyiasat tuduhan ini; dan
- (b) oleh kerana Tun Mustapha meminta satu penyelidikan terhadap perkara rasuah di peringkat Kerajaan Persekutuan, adakah Kerajaan bersetuju dengan seruan Tun Mustapha.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun menjawab pertanyaan yang sama oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dalam Dewan ini tidak lama dahulu.

PENALTI BAGI PENJENAYAH

8. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara mengadakan suatu Undang-undang Pindaan bagi memperuntukkan undang-undang yang ketat ke atas penalti bagi mencuri dan merompak, memandangkan bertambahnya jenayah jenis ini di seluruh negara dan undang-undang yang ada terlalu longgar bagi menghalang jenayah-jenayah ini.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar menyatakan undang-undang yang ada terlalu longgar bagi menghalang jenayah-jenayah ini. Masaalah yang dihadapi adalah berkaitan dengan penangkapan penjenayah-penjenayah itu dan mendapat bukti yang cukup untuk sabitan.

SYARIKAT-SYARIKAT BRITISH DI MALAYSIA

9. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan semenjak dilaksanakan Dasar Ekonomi Baru, berapa peratuskah syarikat-syarikat kepunyaan British di Malaysia yang didaftarkan di Britain telah memindahkan pejabat-pejabat yang berdaftaranya ke Malaysia. Jika kadar pemindahan tiada memuaskan, adakah beliau kelak akan mengambil langkah-langkah ke atas mereka.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan iaitu pejabat sesuatu syarikat yang didaftarkan terletak di negeri di mana syarikat tersebut diperbadankan dan Akta Syarikat, 1965 tidak ada mengandungi apa-apa peruntukan yang menghendakki sesuatu syarikat itu memindahkan pejabat yang didaftarkan ke negara ini. Walau bagaimanapun, sekiranya sesebuah syarikat asing itu didaftarkan di Malaysia ianya diwajibkan mempunyai pejabat yang berdaftar di Malaysia. Pada masa sekarang beberapa syarikat asing telahpun mendaftarkan syarikat mereka di Malaysia untuk mengambil-alih semua harta-benda yang dipunyai oleh cawangan masing-masing di negara ini dan perkara ini akan dilaksanakan dari peringkat ke peringkat mengikut Dasar Ekonomi Baru sehingga tahun 1990. Setakat ini peratus yang dikehendaki itu belum dapat

dipastikan lagi. Walau bagaimanapun Kerajaan akan sentiasa mengawasi perkara ini untuk menentukan samada langkah-langkah lain perlu diambil pada masa akan datang.

TUMPAHAN MINYAK SHOWA MARU

10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan apakah hasil rundungan tuntutan bayaran gantirugi oleh Malaysia daripada Kerajaan Jepun mengenai kecemaran laut yang disebabkan oleh tumpahan minyak oleh Kapal Minyak Jepun di Selat Melaka, dan samada Kerajaan telah mengambil sesuatu langkah untuk mengelakkan daripada berlakunya kejadian seumpama itu pada masa-masa akan datang.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat merujuk kepada peristiwa Showa Maru kerana ia adalah satu-satunya peristiwa tumpahan minyak yang telah mengancam perairan dan kawasan-kawasan perikanan negara kita. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum sebaik saja kami diberitahu tentang kejadian itu, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah bagi mengawal minyak itu daripada mengalir jauh ke dalam perairan Malaysia. Langkah-langkah kawalan telah dijalankan dengan jayanya melalui kerjasama daripada Tentera Laut Di Raja Malaysia dan Jabatan Laut. Berikutannya, Kementerian saya juga mengadakan satu perjumpaan dengan Jabatan-jabatan yang berkaitan bagi menilai kerosakan tersebut dan dengan berdasarkan kepada kajian ini suatu tuntutan gantirugi telah dihantar kepada Kerajaan Jepun, yang kemudian mengemukakannya kepada tuan punya kapal Showa Maru itu.

Kementerian saya sekarang sedang mengadakan perbincangan bertujuan untuk menyelesaikan tuntutan gantirugi kita dengan wakil daripada tuan punya kapal itu dan juga dengan pihak insuran. Perbincangan ini kompleks sekali. Oleh itu, saya fikir belum sampai masanya bagi saya membuat apa-apa kenyataan pada peringkat ini. Saya akan membuat kenyataan tentang kemajuan perbincangan itu di suatu masa yang sesuai.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum soal lalulintas di Selat Melaka adalah satu bidang yang luas dan ini adalah

di bawah bidangkuasa Kementerian Perhubungan. Oleh itu, mencukupilah bagi saya memaklumkan bahawa Kerajaan sedang bekerjasama dengan negara-negara pesisiran di Selat Melaka (Indonesia dan Singapura) untuk merancang satu sekim yang dapat mengadakan "Landasan" berasingan bagi kapal-kapal di kawasan Selat.

PERUMAHAN UNTUK NELAYAN

11. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan adakah Kerajaan bercadang melancarkan sekim perumahan untuk nelayan, dan jika ada, nyatakan di mana dan sebanyak mana.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa sekim perumahan untuk nelayan adalah termasuk di bawah taarif perumahan awam yang dilaksanakan untuk rakyat berpendapatan rendah. Kerajaan telah melancarkan sekim-sekim itu dalam masa yang lampau dan akan terus melancarkannya lagi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Pada masa ini saya belum dapat menyatakan satu persatu cadangan Kerajaan bagi masa depan mengenai sekim-sekim perumahan serupa itu tetapi ia akan diketahui apakala Rancangan Malaysia Ketiga diluluskan kelak.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan sedar bahawa ada sekim-sekim rancangan perumahan yang dimaksudkan ini masih tidak lagi dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Kalau sedar, apakah tindakan akan diambil supaya Kerajaan Negeri dapat melaksanakan secepat mungkin.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, pada masa-masa yang lepas sekim-sekim tersebut ada dijalankan di bawah Lembaga Perumahan dan ada di bawah Kerajaan Negeri, dan sebahagian daripada rancangan-rancangan itu memang telahpun disempurnakan. Mungkin boleh jadi ada sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu rancangan-rancangan yang belum dilaksanakan, tetapi bagaimana

pun dalam jawapan saya tadi saya menyatakan sekim ini akan diteruskan, tetapi setakat ini sehingga Rancangan Malaysia Ketiga dapat diluluskan, maka tidaklah dapat saya hendak menyatakan kepada Yang Berhormat.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa rancangan-rancangan perumahan yang dikatakan kesemuanya dibina bukan di tepi-tepi pantai. Oleh kerana demikian, nelayan-nelayan tidak dapat mengambil ataupun membeli atau pun melibatkan diri di dalam rancangan-rancangan perumahan yang tersebut.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, saya minta diulang lagi sekali.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa boleh dikatakan kesemua rancangan-rancangan perumahan Kerajaan adalah dibina bukan di tepi-tepi laut di mana nelayan-nelayan berada, oleh hal yang demikian nelayan-nelayan tidak dapat mengambil bahagian untuk membeli atau menyewa rumah-rumah yang dibina.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, menurut pendapat saya pendapat itu tidaklah begitu tepat, kerana kebanyakan dan boleh dikatakan kesemuanya rancangan-rancangan perumahan bagi nelayan-nelayan adalah dibina di kawasan-kawasan di mana terdapat kampung-kampung nelayan itu sendiri seperti di Teluk Bahang di Pulau Pinang; di Seberang Takir, Kuala Trengganu; di Telaga Batin, di Kuala Trengganu; di Teluk Gadung, Selangor; Kuala Linggi, Melaka; Mersing, Johor dan lain-lain yang kesemuanya terdapat rancangan-rancangan tersebut di kawasan perkampungan nelayan sendiri.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menekankan lagi; membanyakkan lagi rancangan-rancangan perumahan yang dibina di tempat-tempat perkampungan nelayan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahannya!

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Soalan tambahannya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini adalah satu permintaan. Soalan tambahannya apa?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Soalan tambahannya ialah adakah Yang Berhormat bercadang hendak menambahkan lagi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga rancangan-rancangan perumahan untuk nelayan-nelayan?

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Memanglah Kementerian ini akan memberikan perhatian kepada kawasan-kawasan tersebut, jika difikirkan perlu.

PENGAWIT-PENGAWIT TEMBAKAU

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada beliau sedar bahawa sebahagian besar daripada pengawit-pengawit tembakau di Negeri Kelantan sedang gelisah kerana daun kering tembakaunya enggan dibeli oleh pengilang-pengilang rokok; jika sedar, apakah tindakan selanjutnya yang sudah atau akan dijalankan oleh Kerajaan bagi mengatasi perkara ini dan menyatakan sebabnya berlaku perkara ini.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa sebahagian besar daripada pengawit-pengawit tembakau di Kelantan gelisah kerana daun kering tembakau mereka enggan dibeli oleh pengilang-pengilang rokok. Satu daripada sebab-sebabnya ialah industri tembakau tidak dapat menerima tembakau yang dikeluarkan kerana tidak mengikut gred specification. Tindakan yang diambil oleh Lembaga Tembakau Negara untuk mengatasi perkara ini ialah dengan melanjutkan masa penjualan dan mengadakan pasaran pusat di beberapa tempat di Kelantan. Pengawit-pengawit juga telah mengred semula bale-bale tembakau mereka dan dengan kerjasama kedua-dua pihak pengawit dan pengilang semua tembakau yang mempunyai gred telah dapat dipasarkan. Tembakau yang tinggal ialah tembakau daun burok yang tidak ada gred dan tidak boleh diterima oleh mana-mana pihak.

GANTIRUGI KEPADA WARIS PESAKIT

13. Tuan Shamsuddin bin Din minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar Pihak Kerajaan telah membayar gantirugi kepada waris-waris pesakit-pesakit yang meninggal dunia dengan sebab kelalaian atau kecuaiian atau kesilapan Pegawai-pegawai Perubatan yang melayani pesakit-pesakit tersebut dan dengan itu menyebabkan kematian pesakit-pesakit. Jika benar, nyatakan berapakah kes-kes seperti itu dalam tahun-tahun 1971, 1972, 1973, 1974 dan 1975 ini dan berapakah jumlah wang yang dibayar oleh Kerajaan di atas gantirugi tersebut dalam tahun-tahun yang tersebut di atas.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa pihak Kerajaan telah membayar wang gantirugi kepada waris-waris pesakit-pesakit yang meninggal dunia disebabkan oleh kelalaian atau kesilapan Pegawai-pegawai Perubatan yang merawat pesakit-pesakit tersebut. Jumlah bilangan kes-kes yang telah selesai dan jumlah pembayaran wang gantirugi bagi tahun 1971 hingga 1975 adalah:

Tahun	Jumlah bilangan kes yang telah selesai	Jumlah pembayaran wang gantiruginya
1971 ...	2	\$11,750
1972 ...	2	6,000
1973 ...	2	11,700
1974 ...	—	—
1975 ...	—	—

KEMUDAHAN KEPADA PEKERJA MAS

14. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Perhubungan menyatakan kemudahan, keistimewaan dan lain faedah yang diberi oleh MAS kepada kakitangannya.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, selain dari kemudahan-kemudahan minima yang ditetapkan oleh undang-undang, MAS telah memperuntukan kemudahan-kemudahan berikut untuk pekerja-pekerjanya.

- (1) Penerbangan-penerbangan percuma setahun sekali bagi kakitangan dan ahli keluarga yang dekat di mana-mana tempat yang ditujui oleh kapalterbang MAS. Selain dari ini, kakitangan boleh

dapat potongan harga tambang, sebanyak 75%-90% bagi penerbangan-penerbangan MAS pada bila-bila masa. Kadar potongan bergantung kepada lamanya perkhidmatan seseorang kakitangan itu. Potongan-potongan harga tambang sebanyak 50-70% diberi juga oleh syarikat-syarikat penerbangan lain yang ada perjanjian yang sama dengan MAS.

- (2) Faedah perubatan dan pergigian yang percuma.
- (3) Kemudahan pinjaman wang bagi pembelian rumah dan kereta dengan kadar bunga yang rendah.
- (4) Faedah bersara sumbangan kakitangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Kumpulan Wang Simpanan MAS sebanyak 10% dan sumbangan syarikat adalah sebanyak 12½%.
- (5) Bagi kakitangan-kakitangan yang tidak dilindungi oleh SOCSO, polisi insuran diperuntukkan dengan faedah yang lebih daripada gantirugi pekerja.
- (6) Cuti tahunan selama 16-42 hari yang ditentukan oleh lama perkhidmatan dan pangkat tiap-tiap kakitangan.
- (7) Cuti khas kerana sakit teruk dan kematian ahli-ahli keluarga yang dekat.
- (8) Kakitangan-kakitangan juga mendapat beberapa elaun tertentu, seperti elaun jet, elaun dobi, elaun shift, elaun perhentian malam dan lain-lain lagi, mengikut jenis pekerjaan.
- (9) MAS juga menyediakan latihan untuk kakitangan-kakitangannya. Perbelanjaan bagi menyediakan latihan dalam tahun 1975 adalah sebanyak 4½ juta ringgit.
- (10) Rumah-rumah cuti ada disediakan oleh MAS untuk disewa dalam masa cuti oleh kakitangan dengan kadar yang murah.
- (11) Pengangkutan percuma diberi kepada pekerja-pekerja yang bekerja dari pukul 12 malam hingga 7 pagi dan bagi anak-anak kapal, pengangkutan percuma diberi setiap masa.
- (12) Sebahagian daripada pegawai executive diberi elaun keraian dan lain-lain.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bahawa rawatan perubatan dan pergigian ada diberi kepada kakitangan MAS. Adakah kemudahan perubatan dan pergigian ini diberi kepada keluarganya sekali ataupun kepada kakitangan MAS sahaja?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kakitangan dan keluarganya yang dekat, ertinya anak-anak dan isterinya.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, adakah kemudahan-kemudahan yang telah diberi itu boleh menjamin bahawa pemogokan tidak akan berlaku di kalangan pekerja-pekerja MAS?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu luar daripada soalan asas.

GURU-GURU SUKARELAWAN/ KONTREK

15. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru-guru asing yang bertugas di negara ini bagi tahun 1975 dengan memberikan angka-angka mengikut negara-negara asal mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, ada dua jenis guru-guru asing yang bertugas dengan Kementerian Pelajaran pada masa ini. Mereka itu adalah guru-guru sukarelawan dan guru-guru kontrek.

Guru-guru Sukarelawan

1. Pasukan Keamanan Amerika Syarikat	...	...	102 orang
2. Sukarelawan British (V.S.O.)	...	...	12 orang
3. Sukarelawan Jepun	...	...	21 orang
4. Sukarelawan Kanada	...	...	6 orang
JUMLAH			141 orang

Guru-guru Kontrek

1. Guru Kontrek Indonesia	...	...	86 orang
2. Guru-guru AMEC (Anglo Malaysian Education Co-operation)	...	...	56 orang
JUMLAH			142 orang

PROJEK PERINDASTRIAN

16. Tuan S. Samy Vellu meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan butir-butir berikut di bawah rancangan memperluaskan perindustrian Kerajaan:

- (a) bilangan projek-projek perindustrian yang diperuntukan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia;
- (b) bilangan projek-projek yang telah dilaksanakan di beberapa buah negeri;
- (c) bilangan projek-projek yang belum dilaksanakan oleh negeri-negeri yang berkenaan; dan
- (d) bilangan projek-projek perindustrian Bumiputra yang telah dilaksanakan, di mana ianya dilaksanakan, tahun-tahun perlaksanaannya dan juga projek-projek untuk Bumiputra yang telah diluluskan tetapi belum lagi melaksanakannya dan apakah sebab-sebab ke-lambatannya.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam tahun 1971-1974, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian meluluskan 1,552 projek perindustrian untuk ditempatkan di Semenanjung Malaysia mengikut pecahan-pecahan berikut:

Perlis	10 projek
Pulau Pinang	286 "
Kedah	55 "
Perak	166 "
Selangor	604 "
Negri Sembilan	72 "
Melaka	65 "
Johor	217 "
Pahang	36 "
Trengganu	18 "
Kelantan	11 "
Yang belum ditentukan di mana tempatnya	12 "
Jumlah ...	1,552 projek

- (b) Jumlah projek-projek yang telah dilaksanakan dalam jangka masa yang sama ialah:

(i) *Projek yang telah dilaksanakan*

Perlis	7 projek
Pulau Pinang	181 "
Kedah	19 "
Perak	95 "
Selangor	391 "
Negri Sembilan	37 "
Melaka	39 "
Johor	114 "
Pahang	19 "

Trengganu	11 projek
Kelantan	7 "
Yang belum di-tentukan	— "
Jumlah ...	920 projek (59.3%)

(ii) *Projek-projek dalam peringkat per-laksanaan awal*

Perlis	1 projek
Pulau Pinang	39 "
Kedah	24 "
Perak	34 "
Selangor	89 "
Negri Sembilan	18 "
Melaka	19 "
Johor	49 "
Pahang	9 "
Trengganu	2 "
Kelantan	2 "
Yang belum di-tentukan	2 "
Jumlah ...	288 projek (18.5%)

- (c) Bilangan projek-projek yang belum dilaksanakan mengikut negeri-negeri dalam jangka masa yang sama:

Perlis	2 projek
Pulau Pinang	65 "
Kedah	12 "
Perak	37 "
Selangor	124 "
Negri Sembilan	17 "
Melaka	7 "
Johor	54 "
Pahang	8 "
Trengganu	5 "
Kelantan	2 "
Yang belum ditentukan	10 "
Jumlah ...	344 projek (22.1%)

- (d) Bilangan projek-projek yang telah diluluskan di antara tahun 1971 sehingga 1974 ialah 114 buah. Dari jumlah tersebut 64 projek (56.1%) telah dilaksanakan mengikut pecahan-pecahan berikut:

Perlis	2 projek
Pulau Pinang	5 "
Kedah	5 "
Perak	2 "
Selangor	22 "
Negri Sembilan	2 "
Melaka	4 "
Johor	7 "
Pahang	7 "
Trengganu	5 "
Kelantan	3 "
Jumlah ...	64 projek

Jumlah projek-projek perindustrian Bumi-putra yang masih dalam peringkat perlaksanaan awal seperti dalam peringkat perancangan dan memperolehi tapak perusahaan, ialah berjumlah 33 projek (29%) dan 17 projek lagi merupakan (14.9%) daripada yang telah diluluskan itu belum lagi dilaksanakan. Di antara faktor-faktor yang menyebabkan kelambatan perlaksanaannya adalah seperti berikut:

- (a) Kekurangan kajian-kajian yang mendalam yang boleh memastikan "viability" projek-projek tersebut.
- (b) Kerumitan-kerumitan mendapatkan kewangan yang mencukupi.
- (c) Kerumitan-kerumitan mendapatkan pasaran.
- (d) Kerumitan-kerumitan mendapatkan pengetahuan teknikal.
- (e) Kekurangan pengalaman dalam pengurusan projek.

Masalah-masalah tersebut walau bagaimanapun bukan sahaja dialami oleh pelabur-pelabur Bumiputra tetapi juga oleh semua pelabur yang menceburkan diri di bidang perindustrian. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus memberikan apa-apa pertolongan dan bantuan yang seberapa mungkin untuk membolehkan pelaksanaan projek-projek bagi pelabur-pelabur Bumiputra itu.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberitahu Dewan ini apakah tindakan yang akan diambil atas Kerajaan Negeri yang tidak melaksanakan projek-projek tersebut?

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian Perdagangan tidak mempunyai kuasa untuk memaksa Kerajaan Negeri mengikut term of reference yang ada di Kementerian kami.

Tuan Leo Moggie anak Iroke: Soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan ada menyatakan angka-angka tetapi tidak ada angka-angka untuk negeri Sarawak dan Sabah. Apa yang saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah ini menunjukkan tidak ada projek-projek yang begitu bagi kedua-dua negeri ini, ataupun Kementerianya tidak ada mengambil angka-angka bagi kedua-dua negeri itu.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak masukkan angka-angka ini kerana soalan ini khas ditujukan kepada Semenanjung Malaysia sahaja.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tadi Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menerangkan perkara-perkara atau projek-projek yang terkandas. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah sedar bahawasanya kadang-kadang projek itu telah diluluskan oleh Kementerianya, tetapi oleh sebab masalah tanah ataupun pembangunan sesuatu kawasan itu kuasa itu terletak di tangan Kerajaan Negeri. Dalam perkara ini berlakulah beberapa kelambatan dan kesusahan bagi pihak pemodal-pemodal terutama sekali jika pemodal itu datang dari luar negeri. Dalam perkara ini apakah usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkaitan supaya tidak melambatkan projek-projek yang telah diluluskan oleh Kementerian itu sendiri.

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah diberi jawapan pada masa-masa yang lepas dan seperti apa yang telah juga disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa masalah ini tergantung kepada pihak-pihak yang berkenaan yang termasuk juga Kementerian Perdagangan, Kerajaan Negeri dan pihak-pihak investors, partners yang hendak meletakkan industri itu. Jadi, dalam hal ini perundingan-perundingan, misalnya, dalam masalah tanah, maka itu tergantunglah kepada pihak pelabur itu sendiri mengemukakan atau merundingkan hal ini dengan pihak berkuasa Negeri. Dan pihak Kementerian Perdagangan senentiasa dihubungi dalam hal ini dan mana-mana kuasa itu yang terletak di bawah Kementerian Perdagangan kami telah memberikan apa juga pertolongan untuk mempercepatkan pelaksanaan itu.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan sedar banyak projek di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia tidak dapat dilaksanakan sebab peruntukan daripada Kerajaan Pusat tidak didapati atau tidak cukup. Oleh sebab itu, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini, apakah cadangan beliau untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Pusat?

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apakah maksud peruntukan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kerana pelabur-pelabur ini merupakan orang yang melaburkan modal dalam sesuatu tempat itu dan dalam pelaburan ini tidak melibatkan wang daripada Kementerian Perdagangan.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau tidak silap saya kenyataan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan itu menunjukkan bahawa angka-angka perindustrian di dalam negeri kita ini, di negeri-negeri pantai timur adalah yang paling sedikit sekali. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan itu memberitahu kenapa di negeri-negeri pantai timur mendapat sedikit sekali projek-projek perindustrian ini. Adakah Kementerian beliau sengaja tidak menggalakkan projek-projek ini dibuat di Pantai Timur?

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Perdagangan sekarang ini untuk memesatkan lagi pelaburan di negeri-negeri yang kurang maju. Tetapi masalah ini seperti yang telah saya terangkan tergantung kepada kerjasama Kerajaan Negeri dan juga Kementerian Perdagangan. Misalnya, perediaan infrastruktur, air, api dan sebagainya ini merupakan syarat untuk menarik pelabur-pelabur ke sesuatu tempat itu. Jikalau sesuatu negeri itu mempunyai kekurangan dalam hal-hal yang demikian, maka ini juga merupakan halangan bagi sesuatu projek perindustrian itu mengambil tempat di kawasan itu. Dan pihak Kementerian Perdagangan tidak boleh memaksa sesuatu industri itu mesti dibuat di situ kalau pelabur itu sendiri tidak suka mengadakan projek itu di situ. Tetapi pihak Kementerian senentiasa memberi galakan dan saya rasa hal ini akan dapat di atasi jikalau infrastruktur yang seperti saya sebutkan itu dapat disediakan oleh negeri-negeri yang berkenaan.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, satu daripada faktor yang menyebabkan kegagalan pelaksanaan industri bumiputra ialah kekurangan pengetahuan dan latihan. Adakah Kementerian Perdagangan mempunyai se-

barang sekim untuk melatih bumiputra dalam jurusan ini?

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Perdagangan senentiasa mengadakan latihan-latihan tertentu untuk memberikan berbagai pengetahuan kepada bumiputra. Pusat Daya Pengeluaran Negara yang di bawah Kementerian Perdagangan sekarang ini pun sedang mengajar setengah daripada kursus-kursus itu.

TAHANAN DATUK JAMES WONG KIM MIN

17. Tuan Leo Moggie anak Iroke (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau akan mengarahkan supaya Y. B. Datuk James Wong Kim Min dibebaskan dari tahanan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan yang sama pada 17hb November dan kerana itu saya tidak berhajat hendak menambah lagi.

Tuan Leo Moggie anak Iroke: Soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan dalam reke-mendasi-rekendasi Lembaga Penasihat itu adakah Kerajaan mesti ambil tindakan apa yang diberi oleh Lembaga Penasihat tersebut?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah menjawab soalan itu tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa tahanan Datuk James Wong sangat tidak adil dan tidak patut. Sungguhpun beliau ditahan atas tuduhan-tuduhan bersahabat dengan satu kuasa asing untuk membahagikan Limbang kepada kuasa atau negeri asing itu, tetapi pihak yang berkenaan tidak boleh memberi bukti di mana dia berjumpa foreign agent itu, tempatnya di mana dan ini menunjukkan tidak ada bukti yang nyata. Oleh sebab itu, bolehkah Kerajaan berlaku adil untuk membebaskan Datuk James Wong?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan itu sudah keluar daripada soalan asalnya.

Tuan Patrick Anek Uren: Soalan tambahan. Saya suka memaklumkan bahawa baharu-baharu ini Lembaga Penasihat ada mengkaji kes Datuk James Wong. Saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan samada beliau boleh menyatakan apakah nasihat daripada Lembaga itu. Kedua, di bawah syarat Lembaga Penasihat ini adakah mungkin Kerajaan menerima nasihat itu jika ianya menasihatkan agar Kerajaan membebaskan Datuk James Wong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soal ini sudah timbul juga dalam masa satu soalan dalam persidangan ini dan sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Patrick Anek Uren: Jawapannya belum memuaskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Belum memuaskan, itu soalan lain. Puas tidak puas masing-masinglah punya (*Ketawa*).

WABAK SAKIT MATA

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan mereka yang terlibat dalam wabak sakit mata baru-baru ini dengan memberikan sebab-sebab berlakunya penyakit ini serta langkah-langkah untuk mencegah merebak penyakit tersebut.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, wabak sakit mata mulanya dilaporkan dalam bulan Ogos, 1975. Hingga hari ini sebanyak 129,000 kejadian telah dilaporkan. Maklumat-maklumat berkenaan dengan sebab-sebab berlakunya penyakit ini serta langkah-langkah untuk mencegah penyakit ini daripada merebak telahpun saya berikan pada 30hb Oktober, 1975, ketika menjawab pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan.

PERUMAHAN HARGA MURAH

19. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru menyatakan samada beliau akan mengadakan projek perumahan harga murah di Parit, Perak sebagaimana yang diumumkan oleh beliau baru-baru ini bahawa Kementerian beliau akan mengadakan lebih banyak lagi projek-projek perumahan harga murah di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) belum lagi diluluskan oleh Kerajaan dan sebaik sahaja pengumuman rasmi dibuat mengenai peruntukan wang bagi pelaksanaan rancangan perumahan awam kos rendah, syor beliau itu akan diberi pertimbangan selepas perundingan dibuat dengan Kerajaan Negeri Perak.

PEMIMPIN SABAH/SARAWAK DALAM ASEAN

20. Tuan Sanusi bin Junid (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapa orangkah pemimpin-pemimpin dari Sabah dan Sarawak yang dilantik mewakili Malaysia di luar negeri terutama sekali negara-negara ASEAN.

Menteri Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu kurang jelas maksudnya. Sekiranya Ahli Yang Berhormat maksudkan wakil Malaysia di luar negeri itu sebagai Duta Besar ataupun Persuruhjaya Tinggi Malaysia, pada masa ini tidak ada pemimpin-pemimpin dari Sabah dan Sarawak yang memegang jawatan tersebut.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum pada satu masa dahulu seorang pemimpin terkenal dari Sabah iaitu Yang Berhormat Tun Mohamad Fuad pernah bertugas sebagai Persuruhjaya Tinggi Malaysia di Australia. Sebaliknya, sekiranya Ahli Yang Berhormat maksudkan wakil itu sebagai menjadi anggota delegasi negara kita ke Persidangan-persidangan Antarabangsa sememang ada pemimpin-pemimpin dari Sabah dan Sarawak menyertai sebagai ahli-ahli delegasi-delegasi Malaysia.

TINDAKAN PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

21. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pelajar-pelajar kita di luar negeri yang memburuk-memburuk serta mencaci Kerajaan Malaysia.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak boleh mengambil tindakan atas pelajar-pelajar Malaysia yang

memburuk-burukkan serta mencaci Kerajaan Malaysia semasa menuntut di luar negeri, melainkan aktiviti mereka itu didapati benar-benar menyalahi undang-undang berkenaan dengan keselamatan negara. Dalam kes seperti ini pun tindakan cuma boleh diambil apabila mereka balik ke Malaysia.

NILAI RINGGIT MALAYSIA

22. Tuan Patrick Anek Uren (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menerangkan langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperkukuhkan nilai ringgit Malaysia dan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dimaklumkan kepada Dewan ini, Menteri Kewangan telahpun menyatakan di dalam ucapan Belanjawannya yang telah disampaikan kepada Dewan ini pada 6hb November tentang beberapa langkah-langkah dasar yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kesan-kesan kemelesetan. Malaysia seperti negara-negara lain juga telahpun menerima akibat dari kemerosotan ekonomi dunia yang telah menyebabkan kejatuhan yang besar di dalam pendapatan eksport kita.

Walau bagaimanapun, oleh kerana dasar-dasar Kerajaan yang berhati-hati, kita telah pun lebih berjaya dari banyak negara-negara yang lain dari segi pertumbuhan keluaran dan di dalam mengawal inflasi. Beberapa dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan di dalam pembangunan ekonomi terutama sekali meninggikan daya keluaran pertanian dan keluaran makanan juga menggalakkan pertumbuhan perindustrian telahpun memberikan asas yang kukuh kepada pertumbuhan yang berterusan terhadap ekonomi dalam negeri.

Ringgit Malaysia, dengan sandaran 160 peratus dalam bentuk simpanan dan dengan jaminan ekonomi yang kuat dan teguh terus-menerus menjadi satu daripada matawang-matawang yang kukuh. Pertumbuhan yang berterusan dan perkembangan ekonomi kita akan menjadi asas di dalam menjaga kekukuhan Ringgit Malaysia.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan samaada pinjaman-pinjaman Kerajaan yang di-

buat di luar negeri ini juga salah satu daripada faktor yang boleh menurunkan mata wang ringgit Malaysia?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan satu faktor yang menurunkan kadar ringgit Malaysia oleh kerana pinjaman Kerajaan dari luar negeri masih rendah, dan ini bukan satu faktor.

SAHAM HAW PAR BROTHERS- PERNAS SECURITIES

23. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan sebab-sebab kegagalan cadangan perniagaan di antara Haw Par Bros., International (H.P.B.I.) dan PERNAS Securities. Adakah benar iaitu sebab Kerajaan Singapura sengaja hendak mencuba mengeciwakan perundingan itu kerana takut bahawa sebuah Pertubuhan Kerajaan Malaysia kelak menguasai sebuah syarikat yang ditubuhkan di Singapura yang berkongsi dengan sekumpulan kecil pengendali British; atau kerana ada sekumpulan kecil pengendali British yang bijak yang telahpun menggunakan syarikat itu untuk mengisi saku-saku mereka yang sebenarnya telah "memerah" syarikat itu hingga kering dan setelah itu mereka cadang hendak menjualkan saham-saham kepada Pernas Securities dengan berpura-pura mengadakan perkongsian bersama di antara Perindustrian dan Perdagangan kepunyaan British dan Kerajaan Malaysia kita. Jika disebabkan oleh percubaan Kerajaan Singapura hendak mengeciwakan perundingan itu, apakah langkah-langkah yang Kerajaan Malaysia akan ambil pada masa hadapan ke atas syarikat-syarikat yang berpangkalan di Singapura. Jika disebabkan oleh pengendali British yang bijak yang cuba hendak "menipu" Kerajaan Malaysia, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memberkas mereka.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, masalaah pokok daripada soalan ini telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam di Dewan ini pada 13hb November, 1975. Dan saya tidak ada per kara-perkara lain hendak menambah daripada jawapan yang diberikan itu.

Mengenai masalaah-masalaah lain yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam soalan ini, saya dukacita tidak dapat

menjawabnya oleh kerana saya menganggap bahawa perkara-perkara yang ditimbulkan di dalam soalan ini adalah bertentangan dengan Peraturan Majlis Mesyuarat 23 (1) (c), 23 (1) (h) dan 23 (1) (k).

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menurut Peraturan Mesyuarat 18 untuk meminta kebenaran Dewan untuk mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan bagi maksud membincangkan satu perkara tertentu mengenai kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu, kehilangan Salinan Asal Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat No. 1 tahun 1969 yang mengandungi tandatangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana perkara ini tidak lagi *sub judice* oleh kerana kes Mahkamah Tinggi mengenai Salinan Asal Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat No. 1 tahun 1969 di antara N. Madhavan Nair dan Kerajaan Malaysia—telahpun selesai semalam; dan keduanya, issue yang di hadapan Mahkamah Tinggi melibatkan implikasi undang-undang dan akibat kehilangan atau yang dikatakan terhilang Ordinan Asal, manakala Dewan ini diminta memberi perhatiannya kepada keadaan-keadaan fizikal dan keselamatan yang melibatkan kehilangan atau yang dikatakan terhilang Ordinan berkenaan. Usul saya berbunyi:

“Bahawa Dewan ini menurut Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1) menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk tujuan membincangkan satu perkara yang tertentu mengenai kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu, kehilangan Salinan Asal Ordinan No. 1 tahun 1969 (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat yang mengandungi tandatangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang didedahkan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin, di Mahkamah Tinggi pada minggu yang lepas;

Mempersetujui bahawa perkara ini adalah satu perkara tertentu mengenai kehilangan satu dokumen Negara yang menghancurkan kepercayaan orang ramai terhadap proses-proses keselamatan Kerajaan di tempat-tempat atasan;

Satu perkara yang berkehendak disegerakan yang memerlukan perhatian Parlimen dengan serta-merta supaya dapat memulihkan kepercayaan orang ramai terhadap keselamatan dokumen-dokumen Kerajaan terutama sekali memandangkan kepada kejadian-kejadian yang sering berlaku seperti kebakaran mysterious di Ibu Pejabat Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor Selangor yang telah memusnahkan fail-fail dan dokumen-dokumen yang penting dan baru-baru ini pada beberapa hari yang lepas kehilangan kertas-kertas untuk beberapa mata pelajaran bagi peperiksaan M.C.E.;

Dan adalah menjadi kepentingan orang-ramai kerana beberapa Peraturan Perlu telah diluluskan menurut Ordinan ini termasuk Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) baru-baru ini yang membenarkan pengenehan hak-hak asasi perlembagaan dan kebebasan serta menghapuskan perlindungan-perindungan yang perlu untuk satu pembicaraan adil.”

Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menyatakan bahawa seperti yang telah dinyatakan dan dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka baharu sebentar tadi, Peraturan Mesyuarat 18 untuk mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan bagi membincangkan perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan.

Saya suka menarik perhatian ahli-ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 18 (2) yang berbunyi:

“18 (2). Seseorang ahli yang hendak meminta izin mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan, hendaklah mengeluarkan pemberitahu bersurat kepada Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan perkara yang hendak dirundingkannya itu iaitu sekurang-kurangnya empat jam sebelum mesyuarat mula bersidang. Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan itu kecuali jika dia puashati iaitu perkara itu ialah perkara tertentu, berkehendak disegerakan dan berkenaan kepentingan orang ramai.”

Di sini Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengambil fahaman bahawa 3 perkara atau faktor yang mesti hendak dibuktikan supaya Yang di-Pertua puashati iaitu tertentu, berkehendak disegerakan dan ada berkenaan dengan kepentingan orang ramai. Saya berpuashati dan setuju bahawa perkara ini adalah perkara tertentu iaitu berkaitan dengan soal mengadakan keselamatan yang lebih ketat dalam pejabat-pejabat Kerajaan berkaitan dengan dokumen-dokumen Kerajaan khususnya berkenaan dengan salinan asal Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat No. 1 tahun 1969. Saya juga bersetuju dan puashati bahawa perkara ini ada mempunyai kepentingan orang ramai.

Mengenai samada perkara ini berkehendak disegerakan atau tidak, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi pada hari semalam dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengambil langkah-langkah yang perlu dan lebih ketat lagi bagi mengadakan kawalan terhadap dokumen-dokumen penting Kerajaan, tambahan pula Dewan ini sedang membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan dan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini boleh dibahaskan dan dibincangkan pada masa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan dan Anggaran Pembangunan ini terutama dalam masa Jawatankuasa kelak. Maka oleh yang demikian itu, saya tidak nampak dan saya tidak puashati bahawa perkara itu berkehendak disegerakan. Oleh kerana itu, saya menolak permintaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan tidak memberi izin kepadanya untuk mengemukakan usul ini bagi menangguhkan mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (18 November, 1975)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah sebanyak tidak lebih daripada \$1,982,785,649 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1976, dan bagi maksud Kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan Pembangunan Sementara yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1976 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 tahun 1975, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut. (18hb November, 1975)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pada masa majlis ini ditangguhkan pada hari semalam, Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah bercakap dan saya berjanji Yang Berhormat itu boleh menyambung ucapannya. Ahli Yang Berhormat itu telah bercakap selama 13 minit pada hari semalam dan sekarang bolehlah menyambung 7 minit lagi.

Perbahasan disambung semula.

3.35 ptg.

Tuan Sanusi bin Junid (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, kelmarin saya telah mencadangkan supaya ditubuhkan motivation institute untuk menaikkan semangat di kalangan bumiputra khasnya dan rakyat Malaysia amnya untuk dapat menjalankan usaha mereka membangunkan institusi dan badan-badan Kerajaan dan swasta dengan mendapat kejayaan. Saya percaya dengan kejayaan perlaksanaan dasar pelajaran yang ada, maka kita akan mempunyai masyarakat yang terdidik dan dengan adanya kemahuan dan keinginan yang tinggi, maka kerja-kerja kita akan dapat mencapai kejayaan yang lebih lagi. Tetapi untuk melahirkan

masyarakat yang cerdek dengan kemahuan yang besar adalah satu kerja yang paling merbahaya kecuali dengan adanya usaha dakwah yang giat untuk membangun rohani. Kita telah mendengar kelohan kerana adanya badan-badan yang berasingan yang menekan aspek-aspek yang berlainan mengenai ugama Islam kita waktu berdakwah.

Sebenarnya, kita tidak perlu takut kepada usaha-usaha yang demikian kerana apa yang diperlukan ialah supaya kita menjalankan usaha berdakwah dengan lebih intensive lagi sebagaimana yang telah kita lakukan di dalam bidang-bidang lain. Dengan itu, kita dapat mengemukakan ugama Islam dengan cara yang lebih meluas dan menyerluruh dengan memperhetongkan segala aspek ugama yang telah dikemukakan oleh setengah-setengah pihak dengan emphasis yang berlainan. Dengan cara ini kita bukan sahaja melaksanakan tugas kita dengan lebih berkesan tetapi semua usaha-usaha bersendirian yang dijalankan merupakan usaha-usaha tambahan kepada usaha-usaha kita yang lebih besar. Tetapi jika ini tidak kita lakukan maka usaha sendirian yang mengemukakan Islam dari satu-satu aspek tertentu sahaja dapat digunakan oleh setengah-setengah pihak yang lain sebagai bukti bahawa Islam itu sama dengan ideoloji-ideoloji lain. Kekeliruan ini berlaku sehinggakan kita melihat di dalam masyarakat ada setengah-setengah pihak yang menekankan pentingnya berdakwah di kalangan bukan Islam di malam hari sementara pada siangnyanya berusaha giat melatih kudanya supaya memenangi dalam satu-satu pertandingan. Ini merupakan satu ukuran baru kepada apa yang boleh dan tidak boleh di dalam Islam. Penerimaan ukuran begini membayangkan angin kekeliruan yang paling dahsyat yang sedang meniup di dalam masyarakat.

Rasuah tidak dikutuk kerana ianya rasuah tetapi masyarakat menimbang antara kurang rasuah atau lebih rasuah dan apakah popularity seseorang itu mengatasi rasuahnya. Ada pula yang telah menyamakan komunis dan Islam, sedangkan kalau seseorang itu mempelajari komunisma nyata pada mereka bahawa penerimaan komunis di kalangan umat Islam bererti menerima satu fahaman yang digubahkan oleh seorang Yahudi. Saya tidak yakin umat Islam memerlukan ugama yang lain daripada ugama Islam. Saya berharap dengan adanya

kegiatan dakwah yang lebih intensive kita akan dapat melahirkan masyarakat yang sihat, cerdek, motivated dan bertakwa selawat-lewatnya pada tahun 2001.

3.38 *ptg.*

Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub (Payang): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memulakan ucapan saya ini dengan merakamkan betapa sedih dan dukacitanya saya dan seluruh rakyat Malaysia di Sarawak atas kematian Tan Sri Datuk Koo Chong Kong dan seorang mata-mata yang memandu keretanya di tangan pengganas-pengganas komunis. Kesedihan saya dan Negeri Sarawak sebenarnya mengatasi segala kesedihan, sebab di Sarawaklah Tan Sri Datuk Koo memberikan khidmat yang paling lama. Di Sarawaklah beliau, sebagai salah seorang "tangan kanan" saya dahulu, membantu saya, dua tahun yang lalu, melumpuhkan gerakan pengganas-pengganas komunis menerusi Operasi Sri Aman. Kerana itu jasa cemerlangnya kepada Sarawak dan Negeri Perak tidak akan dilupakan. Jasa cemerlang tersebut akan mendorong dan memperansangkan kami meningkatkan kesungguhan kami bagi menumpaskan keganasan komunis di negeri ini. Dan izinkanlah saya di sini menyatakan rasa simpati dan belasungkawa yang setinggi-tingginya kepada keluarga Tan Sri Datuk Koo dan mata-mata pemandu keretanya yang setia itu kerana kehilangan orang-orang kesayangan mereka yang tidak dapat ditukar ganti ini.

Petaka yang terkutuk ini, rentetan kepada beberapa petaka terkutuk yang telah berlaku di Kuala Lumpur, sekali lagi mengingatkan kita kepada hakikat bahawa kita sekarang sedang berada di barisan muka. Setelah di-tiwaskan dalam pertempuran-pertempuran di dalam hutan, setelah terdesak supaya mencari perlindungan ke pinggir-pinggir selatan bumi Thailand, setelah ditolak bulat-bulat oleh rakyat Malaysia, Parti Komunis Malaya, yang sebahagian besarnya dianggotai oleh orang-orang dagang, sekarang terpaksa melakukan tindakan keganasan orang-orang perseorangan di kawasan bandar pula dalam percubaannya hendak melemahkan semangat anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita dan menakut-nakutkan rakyat ramai. Tidak syak lagi tindakan baru mereka ini akan menemui kegagalan juga, tetapi sebagai orang-orang yang sedang nasak, sebagai tikus-tikus yang terkepung, mereka akan

terus menjalankan langkah ganas dan buas yang sia-sia itu dengan tujuan melemahkan azam kita, memburukkan nama baik kita dan menghalang kemasukan modal pelaburan ke negara kita ini. Mungkin inilah tujuan sebenarnya mereka melakukan keganasan di kawasan bandar itu. Mereka takut Malaysia yang berjaya akan menjadi batu penghalang kepada niat buruk mereka dan ini akan membuktikan pula kepada seluruh dunia bahawa Parti Kominis Malaya itu hanyalah sekumpulan pengganas yang tidak mempunyai apa-apa tujuan yang cuma hendak memaksakan suatu fahaman yang jahat dan asing bagi kita dan fahaman ini pula mengajar manusia supaya tidak berperilaku kemanusiaan, supaya tidak bertimbang rasa, supaya manusia menjadi kerangka atau robot yang buas, berdolak-dalik, memutarbelit, membunuh dan lari mengikut perintah pemimpin-pemimpin mereka yang tidak berhati perut. Dan saya bertanya di sebelah manakah pihak Pembangkang berdiri dalam menghadapi soal hidup atau mati yang di dalamnya kita terlibat ini? Apakah sikap, apakah pendirian mereka berhadapan dengan percubaan dan tidak pengganas-pengganas yang taksub, yang hendak meruntuhkan semua yang telah kita bina sejak merdeka, yang hendak melenyapkan demokrasi dan yang hendak meletakkan negeri ini di bawah telapak keganasan keadikaran yang paling kejam.

Setengah anggota Pembangkang kita menyatakan dukacitanya kerana adanya tambahan cukai yang dimajukan dalam Anggaran Belanjawan ini. Cukai atas barang-barang mewah, atas cosmetic, atas buah mandarin, apple, misalnya. Apakah mereka benar-benar hidup dalam kepahitan dunia yang sedang kita hadapi sekarang? Saya sangsi dan saya tidak percaya. Seorang dari mereka Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mahukan pihak Pembangkang diwakili dalam B.S.N. (Biro Siasatan Negara). Kenapa dalam B.S.N. sahaja? Kenapakah beliau tidak minta diwakili dalam semua bahagian pemerintah?

Adakah kerana apa yang dikehendaki oleh pihak Pembangkang atau yang dianggap oleh pihak Pembangkang sebagai tugasnya, meluahkan kata-kata kesat kepada Kerajaan semata-mata. Lebih-lebih waktu sekarang ini, waktu pegawai-pegawai Kerajaan yang setia sedang dibunuh dengan kejamnya? Saya tidak suka mengatakan ini benar, tetapi inilah kesimpulan yang boleh dibuat oleh

seseorang memandang kepada sikap anggota-anggota Pembangkang dalam persidangan ini.

Benar, Ahli Yang Berhormat dari Seremban ada mencuba ke depan sedikit, tetapi jika kita analisa syor-syornya itu, kita akan mendapati percanggahan antara satu sama lain. Pada suatu ketika beliau katakan kemewahan tidak boleh melindungi kita daripada faham kominis, dan ini memang benar jika kemewahan terpisah dari lain-lain faktor. Kemudian beliau katakan pula yang kita sekarang sedang terlibat dalam pertarungan ideologi dan kerana itu kita tidak harus memerhatikan soal ekonomi sahaja bahkan harus memerhatikan soal-soal politik dan sosial juga, dan ini pun juga tidak salah. Tetapi kenapakah beliau menyelar Islam sedang beliau tahu Islam itu suatu ideologi dunia yang hidup, yang merangkum alam seagat, yang mampu menandingi faham kominis di semua bidang—kerohanian, kemaruahan, ekonomi, politik dan sosial. Ahli Yang Berhormat dari Seremban mengemukakan Italy, Perancis dan Portugis sebagai contoh yang membuktikan kemewahan yang tidak dapat menandingi faham kominis tetapi itulah juga contoh yang membuktikan ketiadaan kemampuan kepercayaan Barat menandingi faham kominis. Dan sebabnya mudah sahaja; kerana kepercayaan ini bukannya ideologi dan kerana itu pula ia tidak mampu, secara menyeluruh, menandingi faham kominis. Lebih dari itu kepercayaan Barat tersebut berpecah-belah sesama sendiri, terbahagi kepada beribu-ribu puak yang beraneka ragam, tiap-tiap satu mendakwa puak-nyalah yang benar, sehingga hilanglah masalah yang pokok. Italy, Perancis dan Amerika yang terkenal dengan peristiwa Watergatenya adalah juga contoh yang menunjukkan kelemahan demokrasi dalam perjuangan menentang faham kominis. Dan ini boleh terjadi kerana demokrasi seperti yang diamal di Barat sekarang ini hanyalah sebuah rancangan politik, satu menara tinggi yang dibina atas dasar ekonomi yang bercorak kapitalis, yang mengalami krisis yang paling hebat dan berpanjangan sejak Perang Dunia Kedua. Jika dasar sudah bergeser tentu tidak kita hairankan kalau menara tinggi tadi boleh bergoncang juga.

Kemudian marilah kita melihat keliling dan membuat penel'tian. Pasti akan jelas kepada kita Islamlah satu-satunya ideologi seagat yang paling sempurna dan kerana itu berkemampuan menentang faham kominis.

Benar, Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu telah cuba menafikan hakikat ini. Beliau menyuruh kita, yang percayakan Islam boleh menjadi benteng kepada pencerobohan faham komunis, melihat kepada Albania yang mengikut katanya: “sebuah negara komunis sungguhpun sebahagian besar rakyatnya beragama Islam”. Inilah suatu contoh yang sangat keji dan mengelirukan, yang dipilih oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu. Beliau tidak memberitahu Dewan ini misalnya, bahawa dalam tahun 1939 Albania telah diduduki secara paksa oleh Italy, dan Albania luasnya hanya se-persepuluh luas Malaysia dan jumlah penduduknya hanya seperenam jumlah penduduk Malaysia. Italy telah menarik Albania ke dalam peperangan menyebelahi kuasa-kuasa Pasak. Beliau juga telah tidak memberitahu kita bahawa dalam tahun 1944 Angkatan Tentera Kuasa-kuasa Berikat telah memasuki Albania sehingga berlakulah pertempuran yang sengit di antara kedua belah pihak yang berperang. Begitu juga beliau tidak memberitahu kita bahawa sewaktu berlaku pertempuran sengit inilah salah sebuah gerakan pembebasan rakyat, yang dipimpin oleh komunis, bertindak merampas kuasa dan sehingga sekarang ini dapat terus berkuasa dengan jalan menggunakan cara-cara keganasan yang lumrah. Tidak pernah terjadi di Albania pertentangan antara Islam dengan komunis dan Islam tewas. Tidak pernah langsung. Dan saya suka menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa komplot komunis yang memerintah di Albania sekarang dengan secara keganasan adalah paling tidak mewakili sifatnya kerana 25 daripada 30 orang anggota Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Albania bersanak keluarga belaka. Saya tidak percaya Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu orang yang pakar memberikan kuliah apa-apa yang kita perlukan dalam keadaan sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu juga menolak perlunya kita memperkuat angkatan tentera dan separuh tentera kita. Menurut katanya kita mahulah duduk menyandar dan mengenakan kopiah kita berfikir. Saya suka meminta Ahli Yang Berhormat itu menimbangkan apa sebenarnya yang beliau perlu lakukan—bersandar di kerusinya dan mengenakan kopiah berfikirnya. Bila ini telah beliau lakukan mungkin beliau akan mula menyedari

bahawa sekalipun syurga yang kita lahirkan di Malaysia ini namum komunis akan tetap merupakan ular bisa di dalamnya. Faham komunis menyarankan bahawa keadikaraan oleh Parti Komunis yang mewakili golongan buruh (suatu kedustaan lagi) sajalah yang boleh melahirkan syurga di dunia. Yang demikian betapa cemerlang pun kejayaan kita, pihak komunis akan terus juga mencuba menggulingkan Kerajaan kita dengan kekerasan kerana mahu menguasai kita, sebagaimana yang pernah dikatakan oleh seorang tokoh besar mereka—dan ini tentunya bukan Ahli Yang Berhormat dari Seremban—bahawa “Kuasa Datangnya dari Mulut Senapang”. Oleh yang demikian, kita tidaklah boleh mengkesampingkan senapang kalau kita akan diancam oleh senapang. Sebaliknya berlainan dari pihak komunis, kita adalah bertanggungjawab memelihara keselamatan jiwa dan kebajikan berjuta-juta rakyat Malaysia dan tidaklah akan melepaskan tanggungjawab ini sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu. Jika kita berbuat demikian samalah seperti kita menyerah diri dan menyerahkan negara kita yang tercinta ini kepada pembunuh-pembunuh yang kejam. Kita tidak akan biarkan hal ini berlaku. Tidak sama sekali.

Bila kita bandingkan cita-cita kapitalis, komunis dan Islam tentang pembangunan ekonomi suatu perkara penting akan ternyata iaitu perbezaan antara yang satu dengan yang lain tentang harta. Menurut faham kapitalis liberal, harta—yang bererti cara penghasilan, pembahagian dan pertukaran—dimiliki oleh orang perseorangan. Menurut faham komunis pula yang mengamalkan Kapitalisma Negara sebenarnya, semua harta dipunyai oleh negara dan ditadbirkan oleh parti. Dua sistem pemilikan harta inilah—sistem kapitalis dan sistem komunis—yang menjadi sumber kemelut di dunia sekarang. Sistem pemilikan harta persendirian sekarang sedang mengalami keadaan masa yang paling rumit dan sulit sehingga, menurut sepatah kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Ucapan Belanjawannya, “kita tidak tahu berapa lama lagi baru kita keluar dari gua”. Pemilikan harta oleh negara pula, tentu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat melihat yang kedua-dua gergasi komunis setiap tahun terpaksa

membeli makanan yang mereka perlukan, berjuta-juta tan jumlahnya, dari pihak negara-negara kapitalis, sehingga menambahkan inflasi di negara kita dan memaksa kita menghadapi kesulitan bahan makanan pula. Sebaliknya, Islam menghuraikan inti persoalan ini dengan menekankan bahawa "semua yang ada adalah kepunyaan Tuhan Yang Menjadikan Alam dan Isinya". Kedudukan manusia di dunia adalah sebagai penjaga amanah ataupun sebagai khalifah, yang harus menjaga seluruh harga yang bukan kepunyaannya dan bertanggungjawab ke atasnya. Jadinya, menjalankan sistem amanah, bukannya sistem milik—baik perseorangan mahupun negara—atas semua penghasilan, pembahagian dan pertukaran adalah jawapan yang tegas kepada kehancuran ekonomi di zaman kita ini. Saya mencadangkan supaya kita semua mengenakan kopiah pemikiran kita bagi menimbangakan thesis ini, yang mungkin boleh menjadi asas ideologi kebangsaan yang kita perlukan untuk mengelakkan keterlaluan faham kapitalis dan kebuasan faham komunis yang tidak siaman. Ia merupakan jalan tengah, jalan yang meningkatkan manusia dan bukan meruntuhkan manusia.

Sekarang sudah umum diketahui bahawa dalam pengertian ekonomi tiap-tiap suatu itu kait-berkait. Kita tidak boleh melulu mengikut satu jalan tertentu tanpa ia memberikan kesan yang buruk kepada aspek hidup yang lain. Jika kita membuta tuli saja melalui pembangunan ekonomi dan tak menghiraukan keadaan keliling manusia pada segi moral dan sosialnya sebagaimana yang telah dilakukan oleh kapitalis dunia—baik yang menyakini pemilihan harta oleh orang perseorangan ataupun oleh negara, maka buruklah padahnya pada kita. Masyarakat akan dikotori oleh jenayah dan kekerasan; udara dan air dan bumi akan beracun; bahkan mungkin peperangan di antara satu planet dengan satu planet akan berlaku, sedang kuasa-kuasa besar terus juga memperbanyak simpanan senjata nuklear mereka. Saya teringat kepada suatu cerita, Tuan Yang di-Pertua, yang mungkin ramai di antara kita telah mendengarnya sewaktu kita masih kanak-kanak dulu, tentang seorang Arab dengan untanya yang terpaksa bermalam di padang pasir. Hawa bertukar menjadi dingin, jadi si Arab pun mendirikan khemahnya dan masuk ke dalamnya sambil meninggalkan si unta di

luar. Tak lama kemudian si unta pun berasa dingin lalu ia pun memasukkan kepalanya ke dalam khemah itu. Tak lama kemudian dimasukkan pula kakinya, dan sebentar lagi badannya, dan akhirnya ekornya. Akibatnya khemah yang kecil itu tercabut dari pancangnya dan diterbangkan oleh angin malam sehingga si Arab dan untanya tadi sama-sama kedinginan. Dalam masyarakat kita hari ini, pembangunan ekonomi boleh kita ibaratkan si unta dalam cerita itu tadi dan akibatnya seperti yang telah kita lihat berlaku di Barat mungkin merupakan nasib yang akan menimpa kita juga kecuali kita melahirkan satu ideologi kebangsaan yang boleh memandu dan memimpin seluruh pembangunan kita—baik di segi semangat, kerohanian, sosial, ekonomi mahupun politik—dan menggunakan ideologi itu bukan sahaja untuk kepentingan negara kita tetapi juga untuk keperluan seluruh dunia.

Kita amat suka memandang bahawa penyelesaian abad ke sembilan belas kepada masalaah politik dan ekonomi kita adalah penyelesaian yang tak berkesudahan. Ini tidaklah benar. Negara-negara yang membangun seperti negara kita ini sedang menghadapi kedudukan yang baru sepenuhnya, yang memerlukan penyelesaian yang baru pula yang mesti kita cari. Belum pernah ada sebuah negara yang telah melalui satu revolusi yang mencakup perubahan-perubahan yang hebat di lapangan-lapangan politik, ekonomi dan sosial sambil menggunakan cara-cara demokrasi bagi menjalankan perubahan-perubahan tersebut sebagaimana yang kita telah lalui. Janganlah kita terpedaya oleh sebaran umum Barat sehingga kita percaya yang kita mesti memulakan perjalanan kita dengan menaiki sebuah bas demokrasi yang dua tingkat, yang ditiru seluruhnya dari Barat; dan janganlah juga kita menaiki trem keadikaraan atas garis-garis pengajaran Lenin atau Stalin. Sebaliknya, kita mestilah mencari jalan yang tersendiri dan kenaikan yang tersendiri, yang boleh membawa kita kepada kehidupan yang penuh kehormatan, lebih baik, lebih sempurna dan lebih aman bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, saya tetap percaya dan berpegang teguh bahawa jikalau negara kita ini mahu selamat daripada ancaman komunis dalam jangka panjang nanti, maka Islamlah hanya satu-satunya cara yang boleh menjamin negara ini terselamat daripada ancaman itu.

3.58 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong ucapan Belanjawan, 1976 sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 6hb November yang lalu bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain, maka saya suka lah menyentuh beberapa aspek dalam ucapan Belanjawan itu dengan tujuan membina dan bersama-sama dengan itu merayu bagi kebaikan dan kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, memang kena pada tempat dan masanya bahawa berwaspada adalah thema asas Belanjawan, 1976 ini. Saya menyanjung tinggi atas sikap dan dasar berwaspada yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu dengan keadaan ekonomi yang ada sekarang ini.

Di dalam Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 yang berjumlah \$1,982.8 juta itu terdapat:

- (a) 64.2% atau \$1,28.9 juta diperuntukkan kepada perkhidmatan ekonomi.
- (b) 21.5% atau \$403.9 juta diperuntukkan kepada perkhidmatan sosial.
- (c) 10.9% atau \$205.9 juta diperuntukkan kepada pembangunan keselamatan.
- (d) 3.4% atau \$64.1 juta diperuntukkan kepada Pentadbiran Am Kerajaan.

Saya rasa dukacita memandang kepada keadaan keselamatan alam negara kita yang begitu menekan pada hari ini sedangkan peruntukan kerananya hanya sebanyak 10.9% sahaja. Walaupun peruntukan pembangunan ini hanya merupakan peruntukan sementara, tetapi memandang kepada keadaan keselamatan yang telah dan sedang berlaku di mana-mana sahaja dalam negara kita ini seperti penyeludupan senjata dari luar negeri, gerakan sabversif komunis, merompak, mencolek dan membunuh bukan sahaja di darat malahan di laut juga.

Tuan Yang di-Pertua, penyusupan pihak komunis jelas sekali dan ini mengakibatkan suatu suasana psikologi rakyat yang mencemaskan sehingga hampir-hampir rakyat telah hilang kepercayaan terhadap jaminan keselamatan dalam rumahtangga negara sendiri. Keadaan keselamatan seperti ini diselubungi pula dengan kemelesetan ekonomi dan inflasi yang begitu berat dihadapi oleh

rakyat secara langsung menimbulkan satu sikap yang tidak acuh di kalangan rakyat hinggalah Pasukan Keselamatan kurang mendapat kerjasama dari rakyat kampung. Setahu saya bukan sahaja rakyat kurang memberi kerjasama, tetapi mereka telahpun menolong dan membantu pihak komunis untuk menjayakan rancangan mereka. Perkara ini mungkin dilakukan barangkali bukan dengan keyakinan ideologi komunis itu sendiri, tetapi mungkin kerana ketakutan disebabkan oleh kawalan yang tidak sentiasa ada dan tidak mencukupi sedangkan mereka terpaksa hidup sepanjang masa di kampung-kampung yang jauh dan keadaannya miskin yang dengan senang menjadi sasaran kepada pihak musuh. Oleh yang demikian, saya cadangkan:

- (1) Pasukan Keselamatan ini diperbesarkan, iaitu ditambah supaya dapat kita mengawal dan mengatur Pasukan Keselamatan kita dengan sempurna, cekap dan dapat melaksanakan tugas-tugas negara dengan lebih cemerlang dan bijaksana;
- (2) Supaya dapat kita membekalkan rakyat kampung dengan senjata yang lebih cucuk, yang lebih moden melalui RELA, Pertahanan Awam dan Rukun Tetangga; dan
- (3) Penambahan Pasukan Keselamatan ini, khususnya Pasukan Polis mestilah berdasar sekira-kira kegiatan dan perkhidmatan mereka dapat dijalankan dengan senang dan mudah.

Saya rasa dukacita kerana masih ada lagi di setengah jajahan ataupun di setengah-setengah daerah di negara kita ini Pasukan Polis hanya dipimpin oleh seorang Inspektor sebagai Officer-in-Charge (O.C.) serta dibantu oleh seorang Sarjan, 2 Korpil dan 10 orang mata-mata biasa di samping menjaga beberapa Pondok Polis. Biarlah kawasan atau jajahan ini saya sebutkan, iaitu Bachok, kawasan saya di mana satu kawasan yang dimenangi oleh Barisan Nasional 100% dalam pilihanraya baru-baru ini. Yang anihnya, Tuan Yang di-Pertua, kenderaan yang diberikan kepada Daerah Polis Bachok itu hanya sebuah landrover sahaja. Keadaan ini sudah berlaku selama lebih kurang 9 tahun untuk mengawal 3 Balai Polis, 4 Pondok Polis dalam Jajahan Bachok dan 2 Pondok Polis dalam Jajahan Kota Bharu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kawasan Bachok terdedah kepada ancaman musuh, terutama sekali nelayan-nelayan selalu diganggu oleh lanun-lanun dari Siam, lebih-lebih lagi sejak ke belakangan ini kes-kes jenayah kerap berlaku, maka saya merayu kepada Kerajaan:

- (1) supaya seorang pegawai berpangkat O.C.P.D. ditempatkan di Bachok dengan segera untuk memimpin Pasukan Polis di sana;
- (2) diberi kemudahan-kemudahan seperti kenaikan landrover supaya Pasukan Polis di sana dapat bergerak dengan pantas dalam menjalankan tugas-tugasnya;
- (3) satu Pasukan Merin Polis hendaklah ditempatkan di Bachok untuk mempercepatkan rondaan; dan
- (4) mempercepatkan pembinaan Balai Polis dan berek-berek Polis yang telah lama menjadi cadangan Kerajaan supaya Pasukan Polis yang diharapkan menjadi pelindung dan penjaga keamanan itu diberi tempat tinggal yang menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal keselamatan ini sukalah saya memberi ingat kepada Kerajaan bahawa walaupun pembangunan infrastruktur sungguh perlu, tetapi janganlah hendaknya segala peruntukan pembangunan ditelan oleh infrastruktur tanpa dirasai secara langsung oleh rakyat yang pada masa ini amat critical, menunggu bukti bantuan dari pihak Kerajaan bagi menangkis dakwaan musuh.

Selain daripada itu, saya suka menyuarakan bahawa segala projek-projek yang dibawa ke kampung-kampung di kawasan perbatasan itu hendaklah berupa projek jangka-pendek yang boleh memberi hasil dalam beberapa bulan sahaja. Oleh itu saya mengesyorkan supaya jenis tanaman baru dikedepikan kepada rakyat dan peraturan pemasaran disertakan bersama kepada rakyat dengan lebih berkesan dan segera, dan juga d'irikan lebih banyak sekolah-sekolah berasrama serta membaiki jalanraya dan jalan kampung supaya mereka dapat menikmati sama pembangunan negara. Saya percaya Kerajaan akan dapat menjimatkan wang jika sekiranya dapat digunakan tenaga-tenaga yang sedia ada, iaitu tenaga-tenaga dari tentera-tentera untuk menjalankan projek spontan ini.

Berhubung dengan hasrat Kerajaan hendak menaburkan nikmat ekonomi kepada rakyat di kampung secara langsung, sukalah saya nyatakan bahawa waktu ini banyak rakyat atau petani-petani di Negeri Kelantan merasai nikmat secara langsung dari industri penanaman tembakau. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, industri ini telah diperkembangkan juga di negeri-negeri lain, tetapi dalam semangat waspada perlu rasanya dinyatakan bahawa sekiranya perkembangan industri ini di tempat-tempat lain, maksud saya di luar dari Kelantan dan Trengganu, janganlah hendaknya ia mengakibatkan kemerosotan industri itu yang sedia ada di Kelantan dan di Trengganu sebab jika sekiranya ini berlaku, tentu sekali petani-petani atau penanam-penanam tembakau di negeri itu akan merasa rezekinya terpotong sedikit sebanyak sedangkan mata pencarian sebagai gantinya tidak muncul tiba. Pada tahun ini diketahui bahawa pihak pengilang-pengilang tembakau yang terdiri dari syarikat-syarikat besar yang membuat rokok telah mempermain-mainkan pembelian daun kering dan dengan cara itu dapat memanipulasikan harga untuk mendapat belian yang murah dan pengawit-pengawit tempatan mendapat kerugian teruk serta pembayaran kepada penanam-penanam tergendala.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Lembaga Tembakau Negara (L.T.N.) yang ditugaskan untuk mengawasi perkara ini tidak dapat memberi khidmat yang sepatutnya bagi memberi kestabilan harga dan kelicinan perjalanan perindustrian itu. Barangkali ini adalah disebabkan keadaan monopoli yang ada di tangan pengilang-pengilang yang dapat bertindak dengan sewenang-wenangnya. Setahu saya pada tahun hadapan pembeli-pembeli ini akan mengurangkan quota pembelannya sehingga kepada 50% daripada quota yang sedia ada sekarang. Jikalau ini dilaksanakan sudah tentu membawa akibat yang tidak baik yang menambahkan lagi kekeliruan perasaan rakyat sekurang-kurangnya di Negeri Kelantan. Saya dapat jangka, Tuan Yang di-Pertua, pengilang-pengilang ini akan mengalihkan tempat pembelian mereka ke negeri-negeri yang baru memulakan penanaman tembakau, kerana brangkali mereka mengharapkan dapat mempermainkan harga dengan lebih hebat lagi di tempat-tempat yang baru itu. Oleh itu saya minta Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama mengambil langkah-langkah perlu bagi mengekalkan quota yang ada pada

masa sekarang ini kepada Negeri Kelantan dan Trengganu dan mempergiatkan lagi langkah-langkah yang positif dan berkesan yang dijalankan oleh Lembaga Tembakau Negara.

Lebih jauh lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya pihak Lembaga Tembakau Negara sendiri menjalankan pembelian daun-daun kering daripada pengawit-pengawit tempatan yang kemudiannya dijual kepada pengilang-pengilang yang tersebut. Kalau langkah inipun tidak mendapat kejayaan, maka pihak Kerajaan hendaklah ikut serta menguasai syarikat-syarikat pengilang-pengilang itu. Selain daripada itu, saya mendapat tahu ada pengilang-pengilang tembakau hendak membuka ladang tembakau secara besar-besaran di Kelantan. Ini juga patut mendapat perhatian serious daripada Yang Berhormat Menteri, sebab jikalau ini berlaku, maka mata pencarian penanam tembakau sekarang yang terdiri dari kalangan rakyat kampung yang miskin akan terjejas dengan teruknya.

Oleh sebab itu saya merayu kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian sungguh-sungguh walaupun sampai ke peringkat campur tangan Kerajaan untuk menghalang, sebab ini adalah menyentuh secara langsung dasar Kerajaan yang hendak menambahkan pendapatan kepada rakyat di kampung.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai bank di dalam negara kita, bank yang memberi pinjaman kepada peminjam-peminjam hendaklah menyesuaikan diri dengan meminda peraturan-peraturan atau Undang-undang untuk menolong bumiputra di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Projek-projek tahunannya hendaklah disesuaikan dengan kehendak-kehendak negara dan rakyat jelata yang baharu mencebur diri di dalam dunia perniagaan. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekarang sebuah bank yang telah menetapkan dan menganggarkan \$1 juta kepada pinjaman-pinjaman maka sekiranya tiap-tiap satu pinjaman itu dibolehkan pinjam sampai \$50,000, maka jumlah itu akan dihabiskan oleh 20 orang peminjam sahaja. Sedangkan kehendak negara dan semangat rakyat sekarang supaya bank-bank itu dapat memberi perkhidmatan kepada rakyat yang berpendapatan kecil atau kepada bumiputra yang mahu memulakan perniagaan yang kecil-kecil. Oleh yang

demikian, saya mengharapkan bank-bank itu hendaklah menetapkan quota budgetnya supaya sekurang-kurangnya sebanyak 25% hendaklah diuntukkan kepada pinjaman-pinjaman yang kecil yang kurang daripada \$10,000. Dengan cara ini, maka peluang-peluang kepada bumiputra itu akan lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh mengenai masalah yang dihadapi oleh guru-guru lepasan Maktab Perguruan yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Sebagaimana biasa mereka dikehendaki menandatangani satu surat perjanjian Kursus di Yayasan Perguruan Malaysia Barat bagi perkhidmatan di salah satu negeri yang tersebut. Guru-guru yang tersebut mahu tidak mahu terpaksa berkhidmat di sana mengikut sebagaimana syarat-syarat yang terkandung di dalam perjanjian itu. Bagi guru-guru ini mereka berpendapat golongan mereka adalah kurang bernasib baik kerana setidak-tidaknya mereka terpaksa berkhidmat di Sabah selama 5 tahun secara kontrak. Tempoh lima tahun ini, Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka adalah satu tempoh yang agak lama kira-kira menyamai dengan 25% perkhidmatan mereka. Oleh yang demikian, saya mengharapkan pihak Kerajaan supaya mengkaji semula syarat-syarat perkhidmatan mereka khususnya dalam soal ini dan merayu supaya setelah mereka tamat kontrak di Sabah secara otomatis mereka yang hendak pulang ke Semenanjung dipanggil balik serta diserapkan ke dalam perkhidmatan guru Semenanjung Malaysia dengan tanggungaji disambung dari tahun akhir perkhidmatan di Sabah juga berdasarkan kepada perkhidmatan sebarang apa syarat berkenaan dengan pencen atau sebagainya hendaklah dikira dari tarikh perkhidmatan mereka di Sabah mengikut Sekim Perkhidmatan Perguruan Lapuran Aziz yang dipinda mengikut Lapuran Ibrahim Ali dan sebagainya. Sebarang pindaan dalam perkhidmatan perguruan Semenanjung Malaysia khususnya dalam bahagian tanggungaji selepas pindaan Lapuran Aziz oleh Suruhanjaya Ibrahim Ali hendaklah dikuatkuasa sepenuhnya di dalam Perkhidmatan Perguruan Guru-guru lepasan Maktab Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah atau Sarawak itu.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mempergunakan Mesyuarat*)

4.13 ptg.

Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih dan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Anggaran Belanjawan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, tema asas Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini ialah berwaspada, pragmatik dan boleh diubah-ubah supaya ianya boleh bertindak dengan serta-merta dan berkesan terhadap perubahan dan cabaran ekonomi dan kewangan yang mungkin timbul dan Belanjawan ini juga akan memberi asas bagi tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dimulakan tahun 1976.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tema Belanjawan kita ialah berwaspada, pertama sekali saya ingin menyentuh jumlah wang sepenuhnya 2/3% dari jumlah penuh Belanjawan itu iaitu sebanyak \$5,340 juta adalah untuk "kos penyelenggaraan". Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya sebelum Kerajaan membelanjakan wang ini pertama sekali perlu ditegaskan belanja-belanja yang penting seperti yang terdapat dalam tahun ini Kerajaan telah menyatakan bahawa Kerajaan tidak mempunyai cukup wang tetapi terdapat banyak Pegawai-pegawai dan Menteri-menteri ke luar negeri untuk menghadiri berbagai-bagai Perundingan atau Seminar. Saya percaya belanja untuk menghadiri iaitu tambang-menambang sahaja tentulah banyak dan ini boleh dikurangkan di masa akan datang dengan menggunakan tenaga pegawai kita yang ada di luar negeri seperti di Kedutaan-kedutaan kita. Bagi rakyat untuk menerima sahaja bahawa Kerajaan tidak mencukupi wang itu tidaklah semudahnya kerana setiap hari dalam akhbar kita terdapat ada sahaja Menteri-menteri atau Pegawai Kerajaan dihantar ke luar negeri untuk menghadiri itu dan ini. Memandang keadaan negara kita yang tidak mencukupi wang di masa ini kurangkan sedikit pegawai-pegawai itu, biarlah hal yang mustahak dihantarkan dengan berkenaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya berharap Kerajaan dapat membuat kajian yang mendalam sebelum menubuhkan satu-satu badan atau Jabatan, misalnya, hari ini

rakyat tertanya-tanya setelah tertubuhnya Rukun Tetangga apakah jadi pada Jabatan Muhibbah: kerana pada hemat saya tugas yang dijalankan oleh Jabatan Muhibbah tidak kurang samanya seperti yang dijalankan sekarang oleh Rukun Tetangga. Misalnya, perpaduan rakyat sekarang ini saya lihat Jabatan Muhibbah telah membentuk satu Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat yang sedang giat berjalan dan Jabatan Muhibbah ini juga telah berjalan semenjak beberapa tahun dahulu dan sekarang lebih dari 18 buah Pusat telah ditubuhkan di merata negeri ini. Untuk keselamatan, pada pendapat saya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri patut dipertugaskan kerana kemudahan-kemudahan seperti untuk keselamatan kawasan, daerah dan sebagainya telah, sedang dan akan dijalankan oleh Kementerian ini bertambah pula dengan terbentuknya Pasukan RELA di daerah-daerah. Saya berharap Kerajaan tidak menjalankan kerja dua kali kerana ini akan membazir.

Saya juga ingin menyentuh memandangkan kepada negara kita yang sedang terancam terutama di negeri saya sendiri iaitu Negeri Perak, kominis sedang giat menjalankan aktiviti-aktiviti mereka, sehingga mereka tidak takut-takut lagi menggunakan senjata di dalam bandar di waktu siang hari. Saya merayu kepada Kerajaan supaya menambahkan lagi peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian tersebut hendaklah menambahkan lagi Anggota Tentera dan Polis supaya keamanan negara kita pulih dan terjamin. Hari ini, rakyat gelisah, gelisah melihat keadaan yang berlaku itu. Masyarakat hari ini sudah tidak takut lagi untuk menyuarakan masalah dan pendapat mereka.

Kalau Kerajaan boleh menaikkan gaji pekerja-pekerja dengan adanya desakan Kesatuan dan sebagainya, saya merayu kepada Kerajaan supaya dapat menaikkan gaji Polis dan Tentera kita di peringkat rendah yang sentiasa menghadapi ancaman hidup. Sungguhpun mereka pada hari ini telah menerima gaji mengikut Komisyen Harun tetapi masih belum cukup lagi, kerana ekonomi negara kita sudah berubah, bertambah dan keadaan keamanan negara ini juga perlu dibaiki, dengan itu memerlukan tenaga mereka. Mereka yang di

peringkat bawah itulah perlu diambil perhatian kerana mereka yang akan menghadapi musuh di dalam hutan dan di luar hutan. Saya berharap Kerajaan dapat mengambil perhatian berat dalam perkara ini supaya mereka tidak ragu-ragu menjalankan tugas menghadapi musuh di dalam negara kita ini.

Saya juga ingin menyentuh dalam perkara Anggaran Belanjawan ini berhubung dengan rumah pemulihan akhlak yang akan dibina oleh Kementerian Kebajikan Am. Pada pendapat saya, jika ada rumah-rumah seperti ini didirikan untuk mereka yang ditangkap oleh pihak yang berkenaan, mahupun di hotel-hotel ataupun di rumah-rumah atau di mana-mana sahaja, seolah-olah rumah akhlak ini memberi satu galakan kepada mereka supaya meneruskan kerja-kerja maksiat itu dan memberikan sikap bahawa jika mereka melakukan perbuatan yang demikian jika ditangkap sekalipun sudah ada tempat mereka untuk berteduh sehinggalah mereka itu mencapai umur 21 tahun. Apakah jaminan yang dapat mereka berikan kepada Kerajaan apakala mereka dimasukkan ke rumah akhlak ini dan cukup umur mereka 21 tahun mereka keluar seperti orang yang telah bertaubat iaitu mereka tidak akan melakukan perbuatan itu lagi. Pada hari ini yang saya tahu banyak di antara mereka yang keluar dari rumah itu menyambung kerja-kerja mereka yang dahulu sebelum masuk ke rumah akhlak. Oleh yang demikian, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan mengkaji dahulu apakah perlunya dibanyakkan lagi rumah-rumah akhlak ini.

Begitulah juga, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Am hendaklah meneruskan usaha-usahanya untuk menghapuskan pengemis-pengemis yang ada terutama sekali dalam bandar Kuala Lumpur ini kerana pada pendapat saya, ada setengah pengemis itu cukup tenaganya untuk menanggung anak-anak dan keluarganya tetapi oleh kerana Kementerian Kebajikan Am mempunyai satu cara untuk memberi bantuan kepada mereka ini, maka setengah-setengahnya mengambil peluang ini untuk terus menjadi pengemis. Kalau mengikutkan ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita, kerja di negara kita ini banyak dari segi buruh hinggalah ke peringkat yang tinggi. Kalau begitulah keadaan negara kita, saya ber-

harap Kementerian ini dapat menolong pengemis-pengemis ini mendapatkan rezki dengan cara mendapatkan kerja. Saya percaya bagi pelancung-pelancung yang datang ke negara kita terutama sekali di Bandar Kuala Lumpur jikalau mereka pergi ke Jalan Chow Kit dilihatnya beberapa pengemis ada disitu, maka dengan secara tidak langsung mereka berpendapat bahawa masih ada lagi rakyat yang miskin di negara ini. Oleh itu, saya berharap pihak Kerajaan dapat memberikan satu jaminan hidup kepada rakyat seperti ini supaya tujuan dan maksud Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita itu, iaitu supaya setiap masyarakat itu dapat menikmati rezki yang diberi oleh Kerajaan kepada rakyat.

4.28 ptg.

Tuan Ting Ling Kiew (Bintulu): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang ini untuk memberi sedikit pandangan dan ucapan berkenaan dengan perbincangan Belanjawan tahun 1976, dan di sini saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, first, I want to touch on the New Economic Policy, the Green Book and the Second Malaysia Plan. This will serve as a passing background.

After three years of Emergency from 1969 to 1971, the introduction of the New Economic Policy in 1971 was a very welcome move for our people from a very trying period of our time. Malaysians from all walks of life, from every corner of our nation, looked forward to a promising era. But the situation has now reached a stage where a great many of our rural people in Sarawak are almost indifferent to the many good intentions announced by the Government. In the remote regions of Sarawak, for example, many have asked, "Bilakah kami merasai buah kemerdekaan?" They live too far from the mainstream of development, but are the hardest hit by stagflation. They feel that they had been let down too badly by the implementation of the New Economic Policy and the Second Malaysia Plan.

Tuan Yang di-Pertua, I feel, therefore, that when we implement the Third Malaysia Plan, the first step is for us to revive the spirit of our people and show them that the Third Malaysia Plan is something new, different and will produce results.

Tuan Yang di-Pertua, it is imperative, in the context of Sarawak's rural areas, that the implementation of the Third Malaysia Plan must give greater emphasis to the development of the rural areas and give more attention to rural problems. Not to do so will result in another failure. It will diminish the hope of the simple farmers and fishermen. Massive rural development will have to be undertaken. More roads into the interior must be planned and constructed. More schools, both primary and secondary, must be set up. Better health facilities, clinics and health centres must be made available to our rural people. And the least promises made, if we cannot be sure we can deliver all these goods, the better.

Previously there was so much said by the authorities over the development of liquefied natural gas (L.N.G.) at Bintulu and the production of off-shore petroleum. Now the production work off-shore has suddenly stopped and the L.N.G. proposal shelved.

Tuan Yang di-Pertua, another example was the promised University at Bintulu. Now there is no evidence that this will come about. Therefore, with the Third Malaysia Plan, the less said the better. Our people want to see things done and not to hear how, where and when they are to be done.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, I relax the rules slightly in respect of lady Members, but I hope the other Members will try and comply with the Standing Orders which require Members to address their observations to the Chair. Jadi, cuba pandang bersama ke sini.

Tuan Ting Ling Kiew: Yes, Sir.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila teruskan!

Tuan Ting Ling Kiew: Sir, in the field of education and educational facilities, our rural people therefore suffer. For example, the constituency I represent in this House covers one whole rural district, larger in area than the whole of Malacca State. There is only a secondary school at Bintulu, the town where 24 shop-houses recently were burnt down rendering about 60 families, totalling nearly 400 people, homeless. Three State Ministers went to Bintulu. They promised to provide immediate housing for the fire

victims and immediate lots for temporary shop-houses where these people can start business immediately and, therefore, can cease to live on charity.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, saya ingat Ahli Yang Berhormat kurang faham apa yang saya katakan tadi. I asked for your co-operation that you address your observations to the Chair also. Fahamkah atau tidak?

Tuan Ting Ling Kiew: Yes.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila teruskan!

Tuan Ting Ling Kiew: Tuan Yang di-Pertua, most of the fire victims are still living with relatives and friends and the allocation of temporary shop-lots have yet to be approved by higher authorities. I would urge that immediate action, as promised, be taken to ensure that these victims are properly looked after.

Meanwhile, medical facilities in the Bintulu District is very much wanting. I know this is also true of other rural districts in Sarawak. For example, the poor people come down to a remote clinic at Tawau town in Bintulu District. They are then sent by boat to the only hospital at Bintulu town, a journey through rough seas taking about five hours, and they find it difficult to return on their own. They are left stranded to wander around in Bintulu town, far from where they come with no friends to live with while waiting for the next boat back. Most of the time they have no tambang to go back, because they are poor people. Many of them stay at the fish market by the river-side for the night. This is how the people in Sarawak suffer. In the rural areas of Sarawak the benefits that the people had hoped for have not been realised over 12 years of independence in Malaysia. The Third Malaysia Plan should be made to realise that hope. Let us have less promises but more goods delivered. Let us have less pomp and ceremonies but more work done and better results made.

Sir, in this way we can have a brighter future for our people—a better life and a better country. It will be of little use to encourage and assist farmers to plant a variety of crops and leave them at that. The Government must find ways and means to

ensure a ready outlet for these crops. There is a need to find more and more markets for these primary produce.

For example, there was recently a spate of interest to plant coconuts. Thousands of acres had been planted with coconuts. The price of copra fell down. At Bintulu copra only fetches \$18 per pikul now. Imagine the disappointment of the farmers, and some are beginning to abandon their crops and many neglect their gardens. The Government can help to find a better market and improve the price of copra.

Currently, there is great interest in planting cocoa. I hope that by the time that many are ready for the market, the Government will find ready market for their produce. Otherwise, the price of cocoa will be just like the price of copra. Government organisations, such as the Co-operative Development Department, can help to organise local production and marketing in order to obtain better prices for the farmers.

Sir, Sarawak has great potential. It has plenty of land. I recall that a few years ago some Ministers had promised the setting up of

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, I am forced to draw your attention again. Saya cuba to relax as much as possible Standing Order 35. Standing Order 35 (1) says that a member shall address his observations to the Chair and Standing Order 35 (6) says that "a member shall not read his speech." Tetapi, untuk membereskan kerja dalam Mesyuarat ini, saya tidaklah begitu strict sangat. Saya harap Ahli Yang Berhormat bekerjasama dengan Yang di-Pertua di sini supaya kita ada peraturan. Dan apabila membuat ucapan, pandang-pandang bersama kepada Yang di-Pertua di sini. Sila teruskan.

Tuan Ting Ling Kiew: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Sarawak has great potential. It has plenty of land. I recall that a few years ago some Ministers had promised the setting up of large tapioca and pineapple plantations in Sarawak. Nothing is heard of this now. The people wait and will continue to wait. It appears to them that the Ministers might have forgotten. They should promise less and deliver more goods.

Tuan Yang di-Pertua, similarly with the existing medical facilities in the rural districts in Sarawak; many places are not reached by travelling dispensaries due to their distance from hospitals.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat tidak boleh baca ucapan ke atas begitu. Cuba pandang pada saya (*Ketawa*).

Tuan Ting Ling Kiew: Sir, in my district, I know of many longhouses which are never visited by travelling dispensaries. These poor people have to travel a great distance to seek medical attention. When they finally reach a district hospital, they have no place to stay. Sometimes there is no hospital bed for the more serious cases.

Tuan Yang di-Pertua, in Sarawak, on the health sector, we lack many facilities. Kidney patients have to be sent to Kuala Lumpur. We do not have eye specialists to serve the State. I hope the Government will do something to rectify this and ensure that Malaysians in Sarawak, especially in the rural areas, are also taken care of.

Meanwhile, we are faced with the problem of our school dropouts, many of whom are of working age now. I hope the Labour Office will undertake to register them and determine how to help them to look for jobs. Tuan Yang di-Pertua, I suggest that we should set up training programmes for these young people. The private sectors should also be encouraged to do the same to help.

In order to improve and develop the rural areas of our country, I feel that we should introduce mechanisation in agriculture. In Sarawak, far too many of our farmers are still practising shifting cultivation in padi farming. This has resulted in a paradox where there is a shortage of farming land in a State like Sarawak which has a vast area of land.

Tuan Yang di-Pertua, on the issue of languages in the State of Sarawak, particularly the position of Chinese language and education, I want to add my views along the line of the speech of Y.B. Ahli dari Bau-Lundu, that in order to allay doubts, the S.U.P.P. should come up with a concrete and proper stand. Its stand was quite clear before it joined the Sarawak Coalition Government and now the Barisan. There is no doubt that, during the tenure of office with Barisan, the general public assumed that it

was playing the same game as the Barisan. Until lately, this was seen to be so. Tuan Yang di-Pertua, now the people of Sarawak, especially the readers of Chinese newspaper are aware of the apparently different views nurtured by the S.U.P.P. Its Secretary-General, Y.B. Ahli dari Padawan, has confused the public. Obviously, this is a vote catching tactic. I hope it will not lead to the game being played by kicking the wrong ball. Thank you, Sir.

4.44 ptg.

Tuan Su Liang Yu (Bruas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap sepatah dua mengenai Ucapan Belanjawan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 6hb November, 1975. Dengan ini, saya ingin berkata bahawa pada keseluruhannya Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan tahun 1976 mungkin lebih walaupun sebanyak \$39 juta telah dikurangkan.

Saya mohon izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, with regard to the introduction of the austerity drive throughout the country, I am inclined to mention that this significant move by our Honourable Prime Minister is indeed praiseworthy and greatly appreciated for its twin objectives of curbing unnecessary expenditure as well as to pull our economy from the clutches of recession. However, Government effort alone will not suffice to reap expected benefits. What is needed now is a "two-way traffic", that is Government on one part and the masses on the other so as to combat inflation in definite terms. In short, there must be a concerted effort.

In the light of these circumstances, I would like to draw the attention of the Government to the proposed 5% deduction by our Honourable Prime Minister which has been well received and agreed by the Ministers and Menteri-menteri Besar. This act of true and genuine gesture by our concerned and dedicated leaders is

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, saya tidak dengar tadi, sudahkah minta kebenaran untuk bercakap dalam bahasa Inggeris?

Tuan Su Liang Yu: I sought your permission, Sir.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila.

Tuan Su Liang Yu: This act of true and genuine gesture by our concerned and dedicated leaders is indeed commendable as they have demonstrated at least in good faith to stand for the people in times of difficulties. However, the mere deduction of 5% will not create any impact on the inflationary tendency as it is a very negligible sum. A more viable and practicable approach will be to extend and further increase the 5% deduction to all Government servants of all rank and file including the private sectors. It is time that this group of people do their bit for the nation instead of ever enjoying the lucrative salaries and fringe benefits which the Government has been, in fact, too willing and kind to offer them when clamouring for it in the recent past. This is the opportune moment and the test of their true loyalty towards the country. But any measure of this nature is not a total impossibility and perhaps the problem that may arise is the securing of an overall support without compulsion. This must come from the very core of their heart, then only it can be said to be acceptable.

I would like to make some observations in respect of lavish spending for official visits and functions by members of the public which need to be reduced in view of the present situation. In fact, the present practice involves large sums of money, resources, wastage of time and a day's work, so as to present themselves for such functions which are undesirable and not beneficial. However, I am not at all against official receptions. All these are necessary in terms of showing respect and honour. What I merely advocate is that these official functions be carried out in a simple way, thereby spending less extravagantly, so that such money saved could be well utilised for some useful purposes. At present, if any dignitary were to visit a certain locality, the people there not only spend huge sums of money for decorations, accommodation, refreshments and garlands but also have to take off a day. This means a loss of a day's income. Thus, I would urge for an economical spending for such official

functions and visits of Heads of State as a means of cutting expenses to the barest minimum.

Tuan Yang di-Pertua, speaking on Government's loans to the people for the purpose of business and the like, I would say that the Government ought to take care especially in these difficult times. In the recent past, certain unhealthy and unethical incidences have clearly revealed that a large portion of these loans given by the Government to the people has not been put to good use. Instead there has been great wastage and mismanagement of such loans. Therefore, it is preferable that the Government scrutinise every case carefully and intelligently before approval is made to the respective borrowers. It must hold it as a priority that loans will only be provided on merit and necessity. In line with this, I would also request the Government to delay all prestigious projects temporarily so as to concentrate more on social projects. At present, no doubt, our country is endowed with many necessary social projects which have indeed increased the very quality of life. However, emphasis along this line is still greatly lacking in some respects.

Touching on the conduct of foreign affairs, I would say that our Government can be complimented and it deserves admiration in adopting practical and viable policies aimed at establishing close rapport and friendly relations with other countries. Most recent memorable breakthrough is the setting up of diplomatic ties with Communist China. In line with this, Malaysia has now become popular and earned great respect and recognition from many countries in recent years. Above all, certain happenings like terrorist activities and international tournaments like boxing and hockey have helped greatly to put Malaysia into the world scene.

However, Sir, we should never rest on our laurels and be satisfied. Instead, we must pursue further our goals and aspirations into wider and challenging horizons so as not only to be friendly to all but at the same time to add meaning to the concept of neutralisation of South-East Asia. Achieving this will invariably bring about lasting peace, stability and prosperity in our region and by and large will help towards reducing unnecessary tensions and frictions which

now dampen and obstruct the smooth functioning of our Government.

As such, it is the serene duty of all concerned Malaysians of all walks of life particularly the Ambassadors and the staffs of our Embassies abroad to propagate and publicise widely of our well-being and heritage in their true perspective without undermining the good image and projection of our country, which we all cherish. At this juncture, I feel that there must be more efforts and initiative taken by those involved in the conduct of foreign affairs to help to popularise the name of Malaysia in every possible way which, I regret to mention, is grossly lacking now. I say this because I had the opportunity to meet a delegate at the Inter-Parliamentary Conference in London and he was in a state of total darkness when I mentioned that I came from Malaysia. However, the name Kuala Lumpur where the big fight was held between Muhammad Ali and Joe Bugner immediately struck his mind. This sorry state of affairs certainly signals the gross neglect and inefficiency of those entrusted to carry out our foreign affairs. This only shows that they have failed to conduct enough publicity drive to further popularise the name of Malaysia as they should do.

In this connection, probably the staffs, Ambassadors and Charge d'Affaires sent to foreign countries feel that they are sent there on a holiday cruise and therefore could afford to relax a bit and enjoy in a carefree manner with sheer disregard to the proper discharge of their duties. Many are now all the more enjoying duty-free luxuries beautiful mansions free excessive liquor and cigarettes, foreign allowances plus other fringe benefits at their disposal, so much so that they have almost forgotten the true identity and purpose of their mission there.

Tuan Yang di-Pertua, talking of the system of education in this country, I am happy to note that our Government has embarked on various bold measures such as the introduction of modern and up-to-date techniques for the betterment and advancement of education. However, much remains to be done and felt if it were truly to benefit the people as a whole and to be on par with some advanced countries.

It is time that the Government take stock of its progress made so far and review the

education system so as to suit the needs of the people and changing times with being caught unawares in the years ahead. Today, the educational value of appealing to the eye as well the ear has been fully recognised. The timely realisation of modern methods in education such as the audio-visual aids is indeed a step in the right direction. Viewing such developments, I would venture to suggest that more and better use be made of such aids and be made easily available to the people at all times. Here, it is preferable that the materials selected for purpose of Audio-Visual Aids be done in such a manner so as not only to impart knowledge but by and large to inculcate a sense of creativity and proper understanding of its true values. In this connection, the Government must give priority to send our educationists to other countries to study their modern approach and up-to-date techniques used there and to impart and practise them locally in our country. Also, I would urge the Government to set up a study centre locally, equipped with necessary facilities not only to train but to teach teachers in particular as to its use so as to have a unified system of education in our country.

There is at present an acute shortage of trained teachers especially in Mathematics and Science in the country. The repeated cry of such shortage of teachers has now become a perennial problem and remains to be unsolved despite measures taken to remedy it in recent years. Proper remedial measures are called for now. And I hope the Government would make good use of the great number of temporary teachers to provide early training as part of its crash programme. With this, more local training centres should be set up to expedite the training process. Then, another area where immediate attention is called for, is the fate of those temporary teachers who have been denied a place in the training centres as they do not possess a credit in Bahasa Malaysia. This group of teachers are now the most frustrated lot and, as such, I appeal to the Government to offer sympathetic consideration by extending training facilities to them too, on condition that they obtain a reasonable grade during a specified period after their training.

Next, I would like to touch also on the conduct of examination which can be considered to have been very defective in the

recent years. There has been great dissatisfaction among the public in regard to the proper conduct of such examinations. The leakage of examination papers year in and year out certainly warrants immediate remedial measures. In fact, last year was the worst and most widespread and it was indeed very regrettable that the Government had to reset the question papers. Further, it was established that only Bahasa Malaysia Papers were leaked out. However, other papers both at M.C.E. level as well as H.S.C. level were freely accessible to the pupils via unscrupulous syndicates a few days before the examination. This sorry state of affairs certainly calls for strict security measures overall, or else public confidence in the integrity of such examinations will be gradually eroded, so much so that it will purely be treated as a mere "scrap paper" without any importance attached to it. It is time that the Government opened its eyes and ears to smash the big time syndicates dealing in the distribution and selling process and to adopt strict surveillance over such papers prior to the release of the papers. Also, attention is called for in respect of those black marketeers who cash in with their bogus question papers, especially when the examinations are around the corner. They take advantage of those poor examination-fearing pupils and sell the examination papers at exorbitant prices.

Tuan Yang di-Pertua, talking of Local Councils, I am inclined to mention that it has now become one of the most effective and down to earth body as it deals for the overall welfare of the people at grassroot level thereby increasing the quality of life in rural areas. The role, responsibility and immense undertakings of these local authorities are increasingly becoming widespread, complex and demanding as people progress and gradually urbanise.

As we are aware, Sir, the Local Councils was first incepted at the height of the emergency. It was during this time that mass resettlement came about in New Villages as a security weapon against Communist aggression which was rampant and active. However, as years passed by, the population doubled and even trebled at an unprecedented rate, while the existing areas remain the same as before. In fact, the perimeter of the area in these New Villages has now diminished in

view of the increasing population caused by subsequent increase in family size.

Taking into consideration of such an acute situation, it is therefore of paramount importance for the Government to initiate measures early by extending and enlarging the existing areas in the New Villages so as to leave more room and scope for further expansion; otherwise, these congested New Villages would soon become another "Ghetto" as dominant in Africa with all its ugly, unhygienic and repressive conditions, thereby causing diseases, sufferings and consequences of varied nature.

While it can be said that the Green Book Plan introduced by the Government deserves praiseworthy appreciation, yet it is rendered meaningless when there is no land to till. There are large masses of people who are prepared to stand solidly behind the Government's move to the very letter but, unfortunately, there is insufficient land to carry out small-scale let alone home farming. Therefore, I would urge the Government to conduct research on vacant, barren, disused land as well as the fringe areas in various parts of our country and to utilise these areas efficiently and profitably by allotting certain portions of such land to interested settlers of New Villages and Kampung and also to those poor folks in the urban areas. With the provision of such land, certainly people would do a bit of home farming not only for local consumption but equally to supplement their meagre income. A move of this nature is highly desirable and beneficial especially to those people belonging to the lower income group who have become the worst sufferers of inflation.

Secondly, the existing housing lots in these New Villages have become so small and now could hardly hold the large family size. Thus, it is a welcome initiative on the part of the Government to allocate more housing lots, particularly to the poor rural folks so as to have truly a "home-ownership" society.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

5.04 ptg.

Datuk Senu bin Abdul Rahman (Kuala Kedah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Perbekalan, 1976 dan di dalam ucapan yang ringkas ini saya akan menum-

pukan sepenuh-penuhnya kepada soal ancaman atau keselamatan dalam negeri, kerana saya rasa bahawa keharmonian atau kelicinan perjalanan dasar Kerajaan adalah bergantung kepada dasar kestabilan dan ketenteraman politik dalam sesebuah negara. Dari itu biar bagaimanapun indahnya dasar Kerajaan tetapi tidak dapat diimplimentasikan kiranya keadaan politik terancam dan tergugat. Lebih-lebih lagi, Tuan Yang di-Pertua, dua hari yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengatakan bahawa kedudukan negara kita adalah sebagaimana dalam bahasa Inggeris: a matter of life or death (hidup atau mati). Jadi ini adalah kenyataan yang tidak dapat dinafikan. Tetapi, saya rasa dukacita sedikit kerana di dalam Dewan yang berbahagia ini ada di antara Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang yang seolah-olannya menafikan, menidakkan keadaan dan ancaman pencerobohan yang sedang berjalan dalam negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpegang kepada satu pendapat dan keyakinan kalau kita hendak mengadap musuh-musuh sebagaimana Parti Komunis Malaya yang telah berterus-terang, bukan hari ini tetapi telah bertahun-tahun dan lebih-lebih lagi dalam sedikit masa ini hendak menghancurkan kita, hendak memusnahkan kita dan hendak menjatuhkan Kerajaan kita yang menjadi dasar Parti Komunis Malaya pada hari ini. Jadi untuk mengadap parti yang sedemikian yang sudahpun menunjukkan bukti-bukti keganasan-keganasan dan ancaman-ancaman pembunuhan-pembunuhan, adakah kita masih lagi hendak menafikan atau cuba mengadap masalah ini sebagaimana keadaan yang kita hadapi di dalam zaman atau keadaan yang biasa. Kita telah melihat beberapa Kerajaan yang telah jatuh ke tangan komunis ialah kerana Kerajaan dalam menghadapi ancaman-ancaman komunis ini tidak dapat, pertama sekali menggembeling tenaga rakyat, memahami rakyat akan ancaman yang sebenarnya atau membawa rakyat memberi sokongan dengan sepenuh-penuhnya. Jadi dalam masalah yang dihadapi oleh negara kita pada hari ini biarlah saya rasa kita menghadapi kenyataan. Apakah kenyataan yang kita hadapi hari ini? Apakah hasrat Parti Komunis Malaya? Adakah Parti Komunis itu adalah semata-mata sebuah parti sebagaimana parti yang ada dalam Dewan ini semata-mata hendak memerintah Kerajaan.

mengikut saluran-saluran parliamentary democracy atau sebagainya. Kita tahu tidak. Parti Kominis Malaya tidak percaya lagi kepada demokrasi. Parti Kominis Malaya tidak akan menurut lunas-lunas demokrasi.

Saya beri satu contoh di dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Parti Kominis Malaya sendiri baru-baru ini. Di dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Parti Kominis Malaya di dalam masa mereka menyambut 44th anniversary baru-baru ini telah diterangkan dengan nyata bahawa Parti Kominis Malaya ialah sebuah parti revolusienyer dan Parti Kominis Malaya adalah satu-satunya parti yang mempunyai kekuatan-kekuatan dan kemampuan untuk menjatuhkan Kerajaan yang ada pada hari ini. Dan Kerajaan hanya boleh dijatuhkan melalui revolusi. Dengan sebab itu, revolutionary doctrine dan revolutionary style mesti digunakan oleh Parti Kominis Malaya. Begitu juga kenyataan daripada Parti Kominis Thailand yang mempunyai nada yang sama yang mengatakan bahawa cuma melalui Communist Party iaitu dengan cara dasar yang dikatakan encircle the city by the countryside (mengepung bandar melalui desa) dan dengan menggunakan kekerasan menjatuhkan Kerajaan. Jadi inilah matlamat, inilah tujuannya dan inilah sebabnya maka kita melihat kekerasan-kekerasan, keganasan-keganasan hari ini di tanah-air kita. Apa yang dilakukan oleh Parti Kominis adalah justifiable kepada mereka, kerana kepada mereka the end justifies the means.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengetahui hakikat ini, maka saya rasa kita sudah tentu akan menumpukan sepenuh tenaga untuk menghadapi ancaman sebagaimana yang saya katakan tadi. Apakah hakikat yang kita mesti mengetahui? Hakikatnya negara kita ini lain daripada negara lain, Malaysia ini terdiri daripada berbagai bangsa, berbagai kaum, berbagai kebudayaan, bukan terdiri daripada satu bangsa atau daripada satu kaum. Jadi, Parti Kominis Malaya mesti faham keadaan Malaysia bukan seperti keadaan di Negeri China atau di Vietnam atau di Russia atau di negara-negara yang sudah diperintah oleh Parti Kominis. Dan di sini juga saya suka menerangkan tidak ada sebuah negara yang diperintah oleh kominis hari ini telah diperintah melalui demokrasi, melainkan melalui kekerasan, melalui peperangan dan revolution. Jadi dengan keadaan Malaysia hari ini, dengan penduduk Malaysia hari

ini dengan Dasar Ekonomi Baru, dasar Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga yang akan kita jalankan sedikit hari lagi adalah amat tidak sesuai dengan dasar Parti Kominis. Ini mesti difahamkan oleh Parti Kominis sendiri dan oleh rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbagai kaum. Apakah sebenarnya Parti Kominis itu? Dan siapakah pengikut-pengikut Parti Kominis Malaya. Ini kita mesti mengetahui, kerana kebalan kita tidak mahu mengetahui akan hakikat ini, maka kita akan terperangkap pada suatu hari dan keadaan yang lebih buruk akan terjadi di negara kita kerana kita tidak mahu menghadapi kenyataan. Kenyataannya, Parti Kominis Malaya hari ini adalah boleh dikatakan daripada satu kaum hampir 98%. Saya suka berterus-terang di sini untuk kita hendak mengelakkan supaya jangan terjadi salah faham dan jangan terjadi pertempuran dengan tidak kita sengajakan.

Kita semua mengetahui pengalaman kita dalam tahun 1946 atau 1948, pada masa peralihan kuasa dahulu, masih lagi dirasai oleh rakyat Malaysia pada hari ini pengalaman-pengalaman sedemikian. Parti Kominis Malaya terdiri 98% atau 99% daripada satu kaum, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri faham. Dan yang lebih anih lagi Parti Kominis Malaya mempunyai hubungan rapat dengan Peking. Ini siapa pun tak dapat menafikan. Hari-hari di dalam "Suara Revolusi" mengatakan hubungan-hubungan ini memuji dan sebagainya apa-apa juga yang terjadi di Peking. Pemimpin-pemimpin China Kominis seperti Mao Tse Tung, Chou En Lai, dan lain-lain kesemuanya dipuji, dan juga pemimpin Parti Kominis China sendiri telah menghantar kawat tahniah kepada Parti Kominis Malaya di dalam masa Parti Kominis Malaya mengadakan Hari Perayaan baru-baru ini sehingga Kerajaan kita terpaksa menuntut pengesahan samada benar atau tidak atau bagaimana pendirian Kerajaan China Kominis itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini sebagai satu kenyataan. Kita mengetahui bahawa rakyat Malaysia ini keseluruhannya baik Melayu, China dan India adalah menentang communism, menentang Parti Kominis. Kita lihat contoh baru-baru ini, apa yang berlaku di Perak, Parti Kominis ataupun anasair kominis telah membunuh Tan Sri Koo. Itu sebagai satu cara menerbitkan

kebimbangan, mengancam atau menakutkan khususnya pihak rakan-rakan kita orang China yang masih memberi sokongan kepada Kerajaan.

Jadi, saya rasa masalah ini amat penting, dan kita berkehendak supaya rakyat Melayu sendiri atau bumiputra, orang China dan orang India mengetahui hakikat ini supaya kita tidak terperangkap dengan keadaan sebagaimana yang ada pada Parti Kominis Malaya dan hubungan-hubungannya dengan negeri China dan sebagainya. Ini adalah amat mustahak. Saya juga suka terangkan di sini satu kenyataan lagi, mengapakah bumiputra atau orang Melayu tidak dapat menerima Communism dan parti kominis? Manakala bumiputra itu sedar, apakah akibatnya, apakah ideologi communism itu, apakah yang disebut oleh Marx, Lenin, Engels atau Stalin dan sebagainya. Adakah boleh menguntungkan kepada bumiputra? Saya tidak hendak menonjolkan kedudukan bumiputra takut disalah fahamkan sebagai perkauman. Tetapi hal ini diakui dalam Perlembagaan, diakui oleh semua kita termasuk ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang. Kita menyokong Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga yang hendak mengimbangkan kedudukan ekonomi di antara kaum, bumiputra khususnya orang Melayu berkehendakan bantuan Kerajaan.

Kaum-kaum yang bukan Melayu juga bersetuju. Sebab itulah kita adakan Perlembagaan, iaitu bersetuju memberi bantuan dan sokongan kepada orang Melayu. Bumiputra kerana memandang kedudukannya tidak seimbang daripada zaman penjajah dahulu. Mereka bersetuju. Salah satu syarat mencapai kemerdekaan dahulu pun ialah bertolak ansur di antara dua-tiga kaum ini dan sampai sekarang pun masih berjalan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Terang-terang kita sebutkan dalam tempoh 20 tahun, kita berharap akan dapat mencapai kedudukan ekonomi orang Melayu sebanyak 30%. Bermakna kita mengakui bahawa Kerajaan mesti membantu orang Melayu dan membantu bumiputra. Itupun bukan kita berkehendakkan banyak, dalam tempoh 20 tahun, hanya 30%, bukan 50% atau 80% cuma 30% dan ini diterima oleh semua pihak. Sebab itu kita dapat melihat hari ini bantuan diberi kepada penuntut-penuntut kita, diberi dalam lapangan ekonomi melalui bank dan melalui berbagai saluran. Ini kenyataan yang sudahpun diterima. Jadi kalau sekiranya

Parti Kominis ataupun Kerajaan negeri ini merupakan satu Kerajaan Kominis, adakah kemudahan-kemudahan ini, bantuan-bantuan ini akan dijalankan oleh Parti Kominis Malaya ataupun Parti Kominis, sudah tentu tidak. Orang yang mengetahui dasar kominis, perjalanan kominis sudah tentu mengatakan tidak. Communist Party atau communism tidak sama sekali berdasarkan kepada perkauman. Communism berdasarkan kepada kelas. Apa yang dikatakan proletariat, bourgeois atau feudal. Kita pun tidak mahu perkauman di sini, tetapi keadaan sejarah memaksa kita, kita tidak dapat elak, orang Melayu atau Bumiputra pun, saya rasa tidak mahu. Kita tidak mahu bantuan sebagai anak-anak diberi susu selama-lamanya, tetapi keadaan memaksa. Kita terpaksa menerima hakikat ini. Inipun juga demi untuk ketenteraman negara kita, ketenteraman politik dan sebagainya.

Jadi, apa yang saya hendak terangkan di sini ialah kedudukan Parti Kominis Malaya corak, dasar, hubungannya dengan Negeri China. Biar saya berterus terang, memang mereka tidak dapat menafikan. Saya suka biarlah Kerajaan kita bertanya berterus terang, terutama kepada Kedutaan China yang ada di sini. Adakah atau tidak hubungan antara Kedutaan China itu dengan Parti Kominis Malaya? Kalau tidak, apa yang berlaku di seluruh negara hari ini dengan pembunuhan dan sebagainya yang diakui oleh Parti Kominis Malaya sebagai perbuatan daripada mereka, adakah diakui oleh Kedutaan China atau Negeri China yang mengakui Parti Kominis atau yang memberi tahniah kepada Parti Kominis Malaya. Cuba kita tanya.

Kita tahu, dan Tuan Yang di-Pertua pun juga adalah bekas Duta tentu tahu bagaimana dan apakah aktiviti-aktiviti sesebuah kedutaan ini. Jadi, inipun satu perkara yang saya rasa sangat mustahak Kerajaan kita mesti mengambil satu tindakan yang tegas. Kita mesti berpegang kepada dasar apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Tun, iaitu kita sedang dalam keadaan "life or death". Ini soal mati atau hidup bangsa dan negara kita, bukan soal malu, soal itu dan soal ini—soal takut putus hubungan. Kalau hendak putus hubungan diplomatik—putuslah, asalkan bangsa dan negara kita selamat. Ini pada pendapat dan pendirian saya. Kalau sudah kita tahu ada hubungan, ada sokongan, ada itu dan ada ini maka masih

juga lagi kita hendak adakan hubungan, dan biar sampai bangsa kita atau negara kita hancur, saya kata itu bukan tempatnya lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan mesti tegas dalam perkara ini dan begitu juga saya berharap bagi pihak rakan-rakan kita daripada orang yang bukan bumiputra, orang China khususnya, jangan terperangkap dengan apa yang dijalan atau dipropagandakan oleh Parti Kominis Malaya ini.

Memang apa yang dijalankan oleh mereka pada hari ini bukan sahaja dengan secara tentangan yang berterus-terang dengan mengadakan pencerobohan-pencerobohan penganasan, pembunuhan, biarpun di sempadan ataupun di dalam bandar, tetapi mereka sedang menjalankan kempen memecah-belahkan pemimpin-pemimpin kita, memecah-belahkan di antara satu kaum dengan kaum yang lain dengan berbagai-bagai cara. Ini kita semua tahu sudah menjadi kelaziman menerbitkan perasaan syakwasangka, perasaan tidak puas hati, perasaan benci antara satu pihak dengan satu pihak, antara satu kaum dengan satu kaum, antara rakyat dengan Kerajaan. Ini yang saya minta, terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang memahami, kalau mereka betul-betul sayang dan cintakan negara ini, mereka juga mesti menghadapi kenyataan supaya tidak membuat kenyataan-kenyataan yang boleh merosakkan perpaduan ataupun memberi bantuan kepada parti kominis yang sedang menentang dan mengancam kita.

Saya rasa dukacita mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang sudahpun diulas oleh rakan saya dari Payang. Nampaknya Ahli Yang Berhormat yang bijaksana, yang pandai itu seolah-olannya tidak mahu mengetahui, seolah-olannya tidak memahami akan kedudukan dan perjuangan parti kominis yang sebenar-benarnya, seolah-olannya Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa Islam tidak boleh menjadi barrier atau sekatan kepada perkembangan kominis, amat salah sama sekali. Manakala disebut Albania, itupun sudah amat salah, nampak bagaimana cetek pengetahuannya di dalam sejarah. Sebagaimana rakan saya telah sebutkan tadi tidak ada sebuah negara pun pada hari ini yang diperintah oleh kominis diperintah melalui kemahuan rakyat, melalui pilihanraya atau melalui demokrasi, Albania diperintah dalam masa Perang

Dunia Kedua. Kita tahu betul-betul, begitu-lah juga dengan negara-negara yang lain. Kita juga memang sedar kalau kita hendak memerangi communism ini bukan semata-mata dengan kekerasan atau repressive laws ataupun kekuatan military. Ini disadari oleh Kerajaan pada hari ini. Bagaimanapun saya dukacita kerana nampaknya di dalam Rang Undang-undang Perbekalan ini peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pertahanan sangat sedikit, tidak lebih daripada dapat membeli beberapa buah kapal-terbang sahaja. Saya rasa pandangan ini patut diubah. Kalau Yang Amat Berhormat Tun mengaku negara kita adalah diperantaraan life or death, maka kita tumpukan biarpun apa sahaja yang akan terjadi, kerana keselamatan negara kita lebih mustahak daripada lain-lain.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, masa sudah hampir. Saya beri dua minit sahaja lagi untuk mengulas.

Datuk Senu bin Abdul Rahman: Sedikit sahaja lagi, saya tidak akan memanjangkan ucapan saya lagi.

Itulah sahaja sebagaimana yang saya katakan tadi, saya akan menumpukan sepenuh-penuhnya atau semata-mata kepada soal security atau ancaman communism. Cuma saya ingin menyebut sedikit untuk menarik perhatian kepada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya sentiasa mengikuti ucapan Ahli Yang Berhormat itu yang kelihatan kepada saya setiap kali beliau bangun bercakap, terutama dalam masalah bumiputra, seolah-olah beliau itu merupakan sebagai champion kepada bumiputra, beliaulah pembela, khususnya orang-orang Melayu yang miskin. Ini saya rasa adalah satu perkara yang salah sama sekali. Secara indirectly, apa yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu memecahkan bumiputra. Di sini saya petik ucapan beliau:

"This is because all that the restructuring will do is to nurture and foster the growth of a capitalist class among the Malays".

He has been repeating this time and again dalam Dewan ini. Adakah Ahli Yang Berhormat itu memandang beberapa kerat kapitalis Melayu semata-mata sebagai hasil kemerdekaan yang kita capai, kemajuan

yang kita capai? Tetapi bolehkah saya bercakap, kalau saya katakan apakah percentage kerat orang Melayu itu kalau dibandingkan dengan percentage orang-orang yang bukan Melayu yang telah kaya-raya, yang sudah mendapat nikmat dan kekayaan? Jadi mengapa dituju-tujukan kepada beberapa orang kapitalis Melayu konon. Adakah orang Melayu ini tidak berhak menjadi kapitalis? Orang lain sahaja berhak? Boleh kita bawakan soal ini, bukan kita hendak menyekat. Yang dipanggil kapitalis Melayu itupun tidak sampai satu peratus kalau hendak dibandingkan dengan kapitalis lain. Bagaimanapun bukannya golongan kapitalis yang hendak kita lahirkan. Tetapi dalam masa perkembangan ini sudah tentu ada yang kaya dan ada yang miskin. Dasar Kerajaan kita hendak menyama-ratakan. Ini memakan masa. Tetapi kalau dituduh-tuduh selalu, itu menunjukkan perasaan Ahli Yang Berhormat itu sendiri memang sengaja hendak menonjol-nonjolkan dan hendak memecahkan Bumiputra ini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ucapan saya.

5.29 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyampaikan ucapan tahniah saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah pada kali ini berjaya sekali lagi mengemukakan Belanjawan yang dinamik dan berwaspada. Saya suka juga mengambil peluang di sini menyampaikan setinggi-tinggi tahniah saya kepada mereka yang memainkan peranan utama di belakang tirai di dalam menyediakan Belanjawan ini, kerana saya yakin bahawa pegawai-pegawai yang ada di Perbendaharaan dan pakar-pakar ekonomi kita yang telah bertungkus-lumus mengambil perhatian berat memeras otak mereka bagi mengatasi masalah ekonomi yang rumit yang dihadapi oleh negara kita sekarang ini. Kepada mereka ini tidak patut kita lupai jasa-jasa yang mereka berikan kepada negara kita.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tetapi satu perkara yang ada di hadapan kita sekalian ialah setelah belanjawan ini atau peruntukan-peruntukan kewangan disediakan untuk pembangunan bagi tahun 1976 yang akan datang, ianya adalah menjadi cabaran kepada kita sekalian bagaimana hendak menentukan bahawa wang yang diperuntukkan dalam belanjawan ini akan digunakan dengan sepenuh-penuhnya dan akan memberi faedah yang maksima terutama sekali kepada rakyat negara ini yang masih ketinggalan dan hidup di dalam kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bagi mencapai matlamat ini adalah merupakan tanggungjawab kita sekalian, tanggungjawab yang patut dipikul dengan sungguh-sungguh oleh anggota-anggota Kabinet, tanggungjawab yang patut dipikul dengan sungguh-sungguh oleh Pegawai-pegawai di Kementerian-kementerian, dan juga tanggungjawab yang mesti dipikul dengan sungguh-sungguh oleh Wakil-wakil Rakyat dan oleh seluruh rakyat jelata di dalam negara ini, kerana bagi saya Belanjawan yang dinamik ini tidak akan bererti jika ia tidak dapat mencapai matlamat dan hasrat serta cita-cita rakyat di dalam negara kita ini.

Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Ucapan Belanjawan ini pada Perenggan 12 yang menyentuh masalah ini. Saya minta izin untuk membaca sedikit cabutan daripada Perenggan 12 ini:

“Saya akan menentukan semua agensi Kerajaan berhati-hati dan mengikut disiplin kewangan yang lebih ketat, dalam melaksanakan matlamat sosio-ekonomi negara kita. Selalu terdapat kecenderongan untuk memohon lebih banyak wang awam disebabkan oleh adanya kekeliruan bahawa perbelanjaan yang tinggi disamakan dengan kejayaan. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa adalah bijak untuk mengurangkan perbelanjaan dan serentak dengan itu menentukan kualiti dan peruntukan punca-punca yang cekap, daripada berbelanja banyak tetapi memperolehi faedah yang kecil terutama sekali untuk rakyat yang berpendapatan rendah. Perhatian berat dan teliti patut diberi kepada pengenalan yang betul, persediaan dan perlaksanaan yang cekap terhadap projek dan rancangan yang menasabah yang boleh memberi faedah secara langsung kepada

rakyat yang berpendapatan rendah, terutama sekali penduduk, yang tinggal jauh dari kawasan yang maju di dalam negara kita. Perkara inilah seharusnya menjadi cabaran kepada para perancang dan para ikhtisas di dalam kalangan awam”.

Tuan Yang di-Pertua, daripada cabutan ucapan Belanjawan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ini yang baharu saya baca sekejap tadi jelas bahawa barangkali timbul keraguan daripada pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri dan daripada pihak Perbendaharaan bahawa sekiranya pihak Perbendaharaan berjaya sekalipun menyediakan wang peruntukan untuk perbelanjaan bagi tahun 1976 ini, tetapi jika perancangan pelaksanaan projek-projeknya tidak dijalankan dengan betul maka hasilnya tidak akan dapat memuaskan kehendak rakyat jelata yang sepanjang masa mengharapkan perubahan hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh satu perkara lagi iaitu berkait dengan hubungan pertumbuhan ekonomi (economic growth) dengan keadaan ekonomi di seluruh dunia. Nampaknya pada keseluruhan atau kebanyakan bahagian daripada Lapuran Ekonomi dan ucapan Belanjawan ini nyata dan jelas menunjukkan bahawa negara kita ini tidak akan terlepas daripada ikatan sistem ekonomi antarabangsa, iaitu kita sebagai sebuah negara yang sedang membangun, nampaknya terikat dengan keadaan kemajuan ekonomi di negara-negara industri, negara-negara perusahaan, negara-negara yang telah maju.

Perkara ini, saya rasa tidaklah menjadi satu teori yang muktamad. Sepatutnya ada cara-cara dan ikhtiar-ikhtiar lain bagaimana negara-negara membangun boleh terlepas daripada ikatan ini. Saya faham bahawa di dalam sistem dunia sekarang ini satu-satu negara tidak akan dapat hidup sendiri melainkan mestilah gantung bergantung di antara satu dengan lain seperti hidup seseorang manusia di dalam sebuah masyarakat. Tetapi keadaan yang ada pada hari ini seolah-olah kita negara-negara yang sedang membangun semata-mata bergantung kepada negara-negara yang telah maju, negara-negara perusahaan, dan sebaliknya seolah-olah negara-negara yang telah maju tidak langsung bergantung kepada negara-negara yang sedang membangun. Pada hal jika kita kaji bahawa negara-negara industri, negara-negara perusahaan, memerlukan bahan-bahan mentah.

Mereka tidak boleh hidup tanpa bekalan bahan-bahan mentah yang cukup untuk perusahaan mereka, tetapi sebaliknya negara-negara membangun yang mengeluarkan bahan-bahan mentah untuk mereka itu boleh hidup dengan tidak terjejas tanpa bantuan daripada negara-negara perusahaan, cuma barangkali perkembangan ekonominya (economic growth) tidak berjalan dengan lancar. Tetapi keadaan sekarang ini seolah-olah negara-negara seperti yang saya sebutkan tadi yang dikenal juga di dalam setengah-setengah istilah sebagai. “The Third World” bergantung semata-mata kepada negara-negara perusahaan. Saya suka mencadangkan kepada pihak Kerajaan terutama sekali Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya mengambil inisiatif yang lebih untuk merapatkan hubungan dengan negara-negara yang sedang membangun seperti negara-negara Afro-Asia, supaya negara-negara ini dapat betul-betul bersatu padu menentang cengkaman daripada negara-negara yang telah membangun, negara-negara perusahaan.

Setakat ini kita hanya mendengar banyak para Menteri dan rombongan-rombongan kita yang melawat ke negara-negara perusahaan seperti E.E.C. dan negara-negara belok kominis tetapi jarang-jarang kita terdengar rombongan yang dihantar ke negara-negara Africa, negara-negara Asia yang lain yang sama-sama tarafnya dengan kita iaitu negara-negara membangun yang mengeluarkan bahan-bahan mentah untuk keperluan di seluruh dunia. Saya suka mencadangkan supaya kita mengambil daya usaha yang sungguh-sungguh menyatukan negara-negara ini yang kebanyakan rakyatnya jika dikaji adalah lebih besar jumlahnya daripada rakyat yang hidup di dalam negara-negara yang telah membangun, supaya dapat kita bersama-sama mengukuhkan satu benteng untuk menentang cengkaman daripada negara-negara yang telah membangun, negara-negara yang telah maju. Maksud saya, ini bukanlah merupakan satu ancaman kerana saya faham bahawa negara yang sedang membangun dengan negara-negara yang telah membangun ada keperluan saling bergantung antara satu dengan lain. Tetapi janganlah satu pihak sepanjang masa mengeksploit dengan menggunakan kelemahan satu pihak yang lain untuk kepentingan mereka sahaja.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh di dalam masaalah penggalakan pelaburan asing. Nampaknya di dalam beberapa tahun kebelakangan ini negara kita sangat mengambil perhatian berat di dalam menggalakkan pelaburan asing (foreign investment) memasuki negara kita. Saya tidak begitu jelas, apakah kita mesti begitu sekali mengharap kepada pelaburan luar untuk membangunkan negara kita ini. Saya faham, ada faedah-faedahnya yang boleh didapati dari pelaburan luar atau pelaburan asing. Umpamanya barangkali kita berkehendakkan memasukkan modal (capital flow) ataupun barangkali kita berkehendakkan pengetahuan teknik (technical know-how) daripada mereka itu, ataupun barangkali kita berkehendakkan pasaran di luar negeri dan kerana itu kita mesti menjemput pelabur-pelabur asing daripada luar negeri. Tetapi setakat ini, saya rasa tidaklah kesemua pelaburan asing yang datang ke negara kita ini memberi keuntungan-keuntungan yang saya sebutkan tadi. Ada pelabur-pelabur yang datang dari negeri luar yang taraf kedudukannya tidak ada lebih daripada negara kita sendiri.

Umpamanya, pelabur-pelabur dari Singapura dan Hong Kong tentulah tidak dapat membawa pengetahuan teknik yang lebih kerana biasanya pelabur-pelabur ini daripada negara tersebut masuk ke Malaysia ini menggunakan technical know-how yang telah ada di dalam negara kita ini. Jadi macam mana kita hendak menumpang pengetahuan teknik yang ada pada mereka, mereka hanya mengambil peluang mencari keuntungan di dalam negara kita ini. Saya rasa perkara ini patutlah dikaji dengan cermat dan halusi oleh pakar-pakar ekonomi kita terutama sekali yang ada di belakang Yang Amat Berhormat yang memainkan peranan di belakang tirai Kementerian Kewangan.

Saya sendiri bukanlah seorang pakar ekonomi, cuma saya dapat mengingatkan supaya perkara ini dapat dikaji, disemak kembali samada kita benar-benar memerlukan pelaburan asing itu sehingga sepanjang masa kita dengar di mana sahaja Menteri-menteri kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berada, mereka sentiasa memujuk supaya pelabur-pelabur daripada negara luar datang ke negara kita ini. Kita mesti mengkaji apa untung dan apa ruginya. Ini patut dibuat supaya 50 tahun akan datang negara kita ini jangan menjadi

kosong dengan sebab barangkali isi atau madu yang ada dalam negara kita ini telah-pun disalurkan ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menyentuh satu perkara lagi berkaitan dengan dasar yang dijalankan oleh Kerajaan kita sekarang bagi menggalakkan perkembangan perindustrian di dalam negara kita ini. Saya juga masih belum jelas, apakah dasarnya yang sebenar diambil oleh negara kita sekarang ini, samada kita hendak menukarkan terus daripada ekonomi pertanian kepada ekonomi perindustrian ataupun kita hendak menukarkan separoh iaitu masih mengekalkan sektor pertanian di samping kita memajukan perkembangan perindustrian. Ini suatu perkara yang saya rasa patut dikaji dengan halus dan cermat. Kita tidak mahu pada suatu masa akan datang sebahagian daripada rakyat negara kita yang mendiami sebahagian daripada negara kita ini menjadi mangsa kepada sebahagian rakyat di dalam negara ini juga yang mendiami di bahagian lain negara kita ini. Umpamanya, jika daripada sekarang kita menggalakkan sebahagian daripada negara kita ini menjadi kawasan industri dan sebahagian lagi kita galakkan supaya menjadi kawasan pertanian, barangkali kemajuan pertumbuhan ekonomi dan kemajuan taraf hidup daripada dua golongan rakyat ini tidak berjalan selari—tidak seimbang. Barangkali mereka yang mengambil bahagian di dalam sektor perindustrian, taraf hidupnya akan lebih cepat naik dan rakyat yang kita paksa mengambil bahagian di dalam sektor pertanian akan ketinggalan di belakang. Contohnya, telah berlaku di Negara Amerika Syarikat sendiri. Umpamanya, Pulau Hawaii pada satu masa dahulu ditetapkan sebagai kawasan untuk pertanian, kononnya Pulau Hawaii itu satu kawasan yang subur untuk tanaman tebu, nenas dan sebagainya untuk makanan rakyat Amerika di tanah besar.

Pada hari ini kita dapati rakyat Pulau Hawaii telah mula sedar dan bertempek bahawa titik peluh mereka digunakan untuk menggemokkan atau menghidupkan sebahagian rakyat yang duduk di bahagian lain. Banyak daripada anak-anak muda yang lahir di Pulau Hawaii telah sama-sama meninggalkan Pulau itu berpindah ke tanah besar memasuki sektor perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam masaalah cukai, saya bersetuju bahawa cukai yang dicadangkan di dalam Belanjawan kali ini

adalah merupakan satu cukai yang progresif. Ramai orang berpendapat samada di dalam Dewan ini ataupun di luar melalui akhbar-akhbar dan sebagainya, bahawa cukai pada tahun ini tidak memberatkan rakyat yang berpendapatan rendah, kerana kononnya cukai ini hanya membebaskan mereka yang berpendapatan tinggi. Cukai-cukai yang dinaikkan hanya kepada barang-barang mewah. Saya juga masih ragu-ragu samada teori ini betul tepat atau tidak, kerana mengikut pendapat saya oleh kerana kebijaksanaan yang ada pada rakyat yang berpendapatan lebih, maka biasanya cukai yang dikenakan kepada mereka dapat dipindahkan kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Seorang yang berpendapatan tinggi barangkali alat solek untuk isterinya dibiayai oleh buruhnya yang bergaji kurang daripada \$300. Barangkali seorang pemodal dapat menggunakan cara-cara tertentu bagi menekan pekerja-pekerjanya untuk mendapatkan pendapatan yang lebih bagi membayar cukai lebih yang dikenakan kepada mereka. Perkara macam ini berlaku jika satu-satu cukai yang kita kenakan kepada mereka yang berpendapatan lebih, biasanya dipindahkan dengan secara langsung atau tidak langsung kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Jika kita hendak terima 100% teori mengatakan rakyat berpendapatan rendah, tidak perlu bimbang, saya rasa saya tidak dapat terima. Sebab itu patutlah dalam pelaksanaan cukai ini kita mesti berhati-hati supaya tidak ada orang memindahkan cukai yang patut dibayar oleh dirinya sendiri kepada orang lain dengan bermacam-macam cara.

Akhirnya, saya rasa walau bagaimanapun saya mempunyai penuh keyakinan bahawa Belanjawan ini akan tetap dengan tema yang dikatakan iaitu "berwaspada".

5.48 ptg.

Tuan Richard Damping anak Laki (Serian): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 6hb November, 1975 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini samada dari pihak Pembangkang ataupun dari pihak Kerajaan turut membincangkan atas perbelanjaan ini. Oleh itu saya dari pihak

Kerajaan tidak mahu ketinggalan daripada bangun untuk membahaskan anggaran perbelanjaan ini. Saya rasa Rang Undang-undang Perbekalan ini sangatlah adil oleh kerana ini berdasarkan kepada parti Barisan Nasional yang menggunakan lambang Keadilan iaitu Dacing.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya di Serian, Sarawak terdapat banyak kekurangan. Saya ingin memberitahu kepada Dewan ini di atas tiga perkara:

Pertama, terdapat kekurangan doktor, dreser-dreser dan bidan-bidan untuk merawat penduduk-penduduk khasnya pada mereka yang tinggal di kawasan pendalaman iaitu di kampung-kampung dan di rumah-rumah panjang.

Kedua, berkenaan dengan jalanraya di kawasan saya, sangatlah kurang penduduk-penduduk yang tinggal jauh dari bandar-bandar terpaksa berjalan kaki merentas hutan untuk keluar membawa hasil-hasil tanaman untuk dijual. Selagi tidak ada jalanraya selagi itulah kawasan saya itu tertinggal mundur dan tidak boleh membangun. Saya sokong pendapat daripada Ahli Yang Berhormat dari Padawan.

Ketiga, tidak ada saluran paip air yang cukup malah di setengah-setengah tempat tiada langsung dan penduduk-penduduk terpaksa minum air sungai yang kotor. Pada musim hujan terpalaklah meminum air yang bercampur dengan lumpur.

Oleh yang demikian, saya bermohon kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya dapat menimbangkan dan memberi peruntukan yang boleh mengatasi akan masalaah-masalaah yang tidak menyenangkan ini. Saya berharap di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini pihak Kerajaan akan dapat menguntukkan perbelanjaannya agar dapat membangunkan Negeri Sarawak dengan lebih berkesan khasnya di daerah Serian.

Tuan Yang di-Pertua, melainkan dari apa yang saya sebutkan tadi, saya juga ingin hendak memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu di atas tuduhannya dalam Dewan ini kepada rakan-rakan Parti SUPP di Sarawak yang hanya pandai berkata-kata sahaja.

Memang ada peruntukan dari Kerajaan Pusat untuk melaksanakan jalanraya di

Negeri Sarawak, tetapi peruntukan itu hanyalah untuk membuat jalan-jalanraya yang besar-besar dahulu dan banyak juga jalan-jalanraya yang kecil. Semasa Yang Berhormat dari Padawan memegang jawatannya sebagai Menteri Perhubungan Sarawak banyak juga pembangunan dan jalan-jalanraya yang dilaksanakan, seperti Jalan Kuching ke Serian, Kuching ke Bau dan lain-lain lagi. Yang Berhormat tentu sedia maklum bahawa jambatan yang menyeberangi sungai Sarawak ini adalah satu daripada projek Yang Berhormat dari Padawan. Oleh itu tidaklah benar dengan apa yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu itu. Saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa parti yang memerintah Negeri Sarawak, buat pertama kalinya ialah Parti SNAP. Apa yang parti SNAP bangunkan Negeri Sarawak pada masa itu? Saya ingat satu jambatan pun tidak ada, pemberian tanah-tanah pun tidak ada, yang saya tahu hutan-hutan di Negeri Sarawak dengan luasnya telah dapat dibagikan kepada rakan-rakan parti SNAP. Saya ingin berkata kepada Ahli Yang Berhormat itu jangan menuduh sebarang kepada SUPP kerana SUPP jikalau dihangat oleh Yang Berhormat dan dimakan panas-panas akan jadi mulut Yang Berhormat itu melechor dan lukus.

5.55 ptg.

Tuan Haji Zakaria bin Ismail (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong ucapan Belanjawan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baharu-baharu ini, yang mana ucapan ini amatlah kena pada tempat dan mendapat alu-aluan oleh semua pihak rakyat, kerana dari kesedarannya, ia tidak memberatkan golongan rakyat miskin. Saya beri tahniah di atas kejayaan Yang Amat Berhormat itu, mudah-mudahan Allah sentiasa memberi taufik dan hidayat kepadanya terutama dalam saat genting seperti sekarang ini. Walau bagaimanapun bagi menunaikan kewajipan di dalam ucapan yang berikut, saya akan menyentuh satu dua perkara yang saya fikir mustahak disampaikan kepada Kerajaan dan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan negara kita ini sekarang sedang diancam oleh anasir-anasir jahat terutamanya kominis, maka saya sebagai orang tempatan

yang secara langsung merasa kejadian buruk itu, mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat itu yang telah mengambil berat menyampaikan pandangan dan perasaan masing-masing di dalam Dewan yang mulia mengenai perkara yang sangat penting kepada keselamatan negara kita. Dan dengan itu, saya berharap kepada Kerajaan lebih lagi mengambil berat dan meletakkan perhatian yang khusus di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, maksud meletakkan perhatian yang khusus itu ialah dengan mempergiatkan lagi kawalan di tepi sempadan iaitu dengan menambahkan kekuatan askar-askar, Polis dan Rela. Walau bagaimanapun, saya menyokong penuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah menempatkan Rela-rela mengawal sekatan jalanraya bersama-sama dengan anggota Polis seperti mana yang telah dibuat di jalan Rantau Panjang, Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, penempatan Rela bertugas bersama anggota Polis ini memberi kesan yang baik bagi menjaga keselamatan daripada dicerobohi oleh penjahat-penjahat dan penyeludup-penyeludup. Di saat akhir-akhir ini kita dapati di tepi-tepi sempadan, yang menjadi mangsa penjahat-penjahat ini ialah anggota-anggota Rela. Penjahat-penjahat itu selalu mengintip pergerakan dan perkembangan Rela di kawasan tepi sempadan. Mereka sentiasa mengambil tahu apakah senjata-senjata yang digunakan oleh Rela dan berapa laras Rela-rela di kawasan itu mempunyai senjata, sesudah itu baharulah mereka membuat serangan hendap mengikut kadar mengatasi kekuatan Rela di tempat itu.

Pada masa sekarang sudah pun ada beberapa laras senapang patah yang diberi kepada Rela di kawasan sempadan. Dan dengan senapang patah inilah Rela itu mempertahankan kampung halaman dan jiwa raga mereka dari menghadapi serangan musuh yang mana kelengkapan-kelengkapan senjata-senjatanya lebih moden daripada senjata yang ada pada Rela yang hanya senapang patah yang lama yang kadang-kadang tidak mahu meletup bila menghadapi serangan musuh. Oleh yang demikian, memandangkan kepada tenaga dan jasa Rela yang boleh diharap ini, maka adalah wajar Kerajaan menyediakan senjata-senjata yang lebih moden untuk menandingi senjata-senjata musuh.

Tuan Yang di-Pertua, satu kejadian yang memeranjatkan orang ramai iaitu satu kejadian letupan di dalam perahu di Sungai Golok baru-baru ini. Adalah difahamkan beberapa bungkusan yang tidak diketahui apa isi di dalamnya telahpun cuba diseludup masuk ke Malaysia melalui Sungai Golok—Rantau Panjang. Dan dengan takdir Allah Subhanahuwataala, salah satu daripada bungkusan yang sudah diangkut itu jatuh terhempas di dalam perahu yang mana mengakibatkan satu letupan yang besar yang menghancurkan seorang pengangkut barang di situ.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan bahan letupan itu akan diseludup ke negara kita, tetapi tidak sempat kerana pecah meletup. Dan mungkin sudah banyak bahan-bahan letupan telah diseludup ke negara kita samada disedari atau tidak. Bahan-bahan letupan seperti inilah yang digunakan oleh pengganas-pengganas kominis untuk memusnahkan jentolak-jentolak Lebuh raya Timur-Barat tempoh hari dan baru-baru ini keretapi yang berdekatan dengan Gua Musang. Oleh yang demikian, untuk menghadapi perkara ini, sekali lagi, saya menyeru Kerajaan supaya mempergiatkan lagi kawalan di Sempadan dengan mengadakan sekatan-sekatan jalanraya secara mengejut dan pemeriksaan yang rapi dalam lori-lori dan keretapi yang berdekatan dengan tidak mengira lori siapa dan kenderaan siapa. Orang ramai berasa ragu-ragu dan tertanyanya lantaran ada setengah-setengah lori tidak diperiksa.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pembangunan pertanian secara am, saya berasa kagum dengan keindahan alam semula jadi yang telah diberi oleh Allah Subhanahuwataala kepada negara kita, cukup dengan cahayanya, hujan yang mencukupi, tanahnya yang subur berbanding dengan negara-negara lain seperti Timur Tengah tanahnya kering kontang, airnya sukar didapati berbanding dengan Negara Jepun udaranya sangat sejuk dan lain-lain negara. Tetapi petani-petani mereka mempunyai pendapatan yang baik dan memuaskan. Ini sudah nyata disebabkan mereka mendapat suatu penyusunan, satu program yang baik dan menjanjikan. Di negara kita tidak ada satu perusahaan yang benar-benar, yang boleh menjanjikan; Jabatan Pertanian, Koperasi Peladang setiap tahun ditambah dan pegawai-pegawainya diperbesar dan di-

tambah lagi dengan organisasi-organisasinya, Bank Pertanian, itu dan ini. Tetapi apakah dengan pertambahan yang sebegitu banyak dapat menghasilkan dan dapat menambahkan pendapatan petani-petani? Pada himmat saya, belum lagi dapat, malah jauh lagi untuk mencapai matlamatnya. Ini ialah kerana segala sektor pertanian ini tidak menyusun program-program yang baik bahkan semata-mata menunggu dan melihat apa petani mahu. Dalam soal ini, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak M.T.C. (Malayan Tobacco Company) yang pada satu masa dahulu pernah mengambil daya usaha membimbing dan mempengaruhi petani-petani khususnya petani-petani Negeri Kelantan untuk menanam tembakau yang mana sebelum itu petani-petani di Negeri Kelantan khususnya menanam tembakau hanya untuk keperluan hari-hari semata-mata bukan untuk perdagangan. Tetapi sesudah M.T.C. masuk ke Negeri Kelantan dan mempengaruhi petani-petani menanam tembakau mengikut arahnya, maka berubahlah cara penanam tembakau itu dari tanaman untuk keperluan harian kepada penanaman untuk diperdagangkan.

Tuan Yang di-Pertua, harga tembakau tinggi di masa itu dan lumayan tetapi sejak akhir-akhir ini kawasan penanamannya menjadi luas di merata-rata tanahair, dan sudah tentulah harganya tidak terkawal lagi. Harganya boleh dipermain-mainkan oleh syarikat-syarikat yang membeli daun-daun tembakau. Hari ini, pengawit-pengawit Negeri Kelantan khususnya berada dalam kegelisahan, kerana banyak daun-daun tembakau tidak dibeli oleh syarikat dengan semuanya. Berjuta-juta nilai wang telah terkandas akibat daun-daun kering tidak dibeli oleh syarikat. Saya harap kepada Kerajaan melalui Lembaga Tembakau Negara dapat mengatasi dengan seberapa segera yang boleh.

Memandangkan kepada kemajuan perusahaan tembakau ini yang telah dicapai di negara kita khususnya Negeri Kelantan, maka saya yakin sekiranya pihak Kementerian Pertanian dapat menyusun jenis-jenis tanaman mengikut zon-zon atau kawasan-kawasan yang telah ditetapkan. Saya percaya hasil pertanian akan stabil dan terjamin dengan syarat hendaklah pengeluaran itu tidak melebihi penggunaan.

Selain daripada itu, saya suka hendak menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan kominis. Dalam hubungan ini terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang telah menggantungkan kejayaan merangka ucapan Belanjawan baru-baru ini kepada Tuhan yang maha kuasa. Kerana ini menunjukkan kerasmian ugama Islam bagi negara ini telah menjadi panduan kepada beliau di dalam pentadbiran negara. Dan ini adalah suatu yang sangat penting dan menjadi contoh kepada seluruh pentadbiran negara dan inilah satu perkara yang sangat penting yang menjadi panduan kepada seluruh masyarakat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah banyak mendengar cadangan-cadangan dan syorsyor untuk menghapuskan gerakan penganas kominis melalui tenaga lahir, tetapi satu perkara yang tidak kurang pentingnya ialah dengan cara melalui fahaman dan yang saya maksudkan di sini ialah untuk mempertahankan jiwa rakyat di negara ini daripada diresapi oleh fahaman kominis itu sendiri. Sebab, kalau jiwa rakyat diresapi oleh fahaman kominis, maka akan sukarlah fahaman itu dihapuskan oleh kekuatan lahir seperti senjata umpamanya, melainkan ianya dapat dihapuskan melalui pertahanan batin semata-mata, yang saya maksudkan di sini ialah melalui pengajaran dan iman. Misalnya, kalau orang-orang kominis berani mati untuk mempertahankan ideologinya mengatakan Tuhan itu tidak ada dan sebagainya, maka orang-orang Islam lebih berani mati untuk mempertahankan wujudnya Allah Subhanahuwataala. Sejarah telah membuktikan hakikat ini dan dengan sendirinya fahaman kominis tidak akan mendapat tempat di dalam jiwa orang-orang yang berfahaman Islam yang jati. Ini ialah sebagai satu contoh sahaja, dan kalau kita pergi jauh lagi dalam pengajian Islam ini maka kita akan dapati lebih banyak alat-alat pertahanan untuk menyekat fahaman kominis daripada meresap ke dalam jiwa seseorang.

Satu contoh lagi, Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang mengamalkan dasar ekonomi bebas yang mana orang kaya boleh mendapat kekayaan yang sebanyak-banyaknya yang mereka mahu, yang merupakan kapitalis-kapitalis yang besar dengan memeras orang lain dan menggunakan ke-

kayaan itu untuk memuaskan hawa nafsunya semata-mata. Dan ditambah pula dengan rasuah, riba dan sebagainya. Inilah yang mengakibatkan tidak puas hati oleh golongan yang lain, yang miskin yang lebih ramai dan inilah juga yang boleh mengakibatkan timbulnya fahaman kominis sedangkan dalam Islam rasuah dan riba ini diperangi habis-habisan oleh Islam. Orang yang terlibat, dalam perkara ini dihukum di dunia dan akan dihukum juga di akhirat dengan masuk neraka.

Tuan Yang di-Pertua, Islam membenarkan penganut-penganutnya memiliki harta benda kekayaan sebanyak-banyaknya, tetapi mestilah melalui jalan yang halal dan bila sudah kaya hendaklah mereka menunaikan kewajipannya yang tertentu terhadap orang-orang yang susah, yang miskin dan negara selain daripada zakat yang telahpun diwajibkan.

Tuan Yang di-Pertua, bila menyentuh perkara ini, saya sangat dukacita melihat langkah-langkah Kerajaan terhadap perkembangan Islam ini nampaknya lembab. Kita telah mendengar adanya Yayasan Dakwah dan sewaktu kita mula mendengar dahulu kita berasa lega, gembira, kerana mengharapkan usaha-usaha akan berjalan dengan hebatnya, tetapi dalam perlaksanaan yang sebenar kita masih belum nampak kejayaannya yang dilakukan olehnya dan rakyat ramai pun sentiasa bertanya apakah usaha yang dibuat oleh Yayasan Dakwah ini. Oleh yang demikian, sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru agar Yayasan Dakwah ini benar-benar dapat perhatian dan dapat dijalankan tugasnya yang benar-benar.

6.11 ptg.

Tuan Buja bin Gumbilai (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut serta bangun mengambil bahagian dengan ringkas sahaja di dalam perbahasan Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 6 haribulan yang lepas dan bersama-sama dengan ini saya juga turut menyokong ucapan Belanjawannya itu.

Dengan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada tempoh hari rakyat berharap negara ini akan dapat ditadbirkan oleh Kerajaan dengan aman damai dan makmur pada tahun-tahun yang akan datang dan

ramalan-ramalan yang disusun oleh Kerajaan hendaklah tepat, kalau kurang tepat pun hendaklah hampir-hampir tepat jangan sebagaimana yang lepas, apa yang diramalkan dalam lapuran didapati sangat jauh sekali perbezaannya dari apa yang diramalkan.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah apa yang hendak dibelanjakan banyak ialah mengenai masaalah pelajaran. Pelajaran di sana terutama sekali di luar-luar bandar bolehlah dikatakan mendukacitakan kerana anak-anak yang sudah sampai umur persekolahan makin sehari makin bertambah bilangannya dan sepatutnya hendaklah diperbanyakkan sekolah-sekolah rendah, bangunan-bangunan sekolah, guru-guru dan lain-lain kelengkapan yang bersangkutan-paut dengan pelajaran, janganlah dibiarkan Sabah berjalan dengan sendiri atau memulangkan hal persekolahan kepada negeri menjalankan. Kerana ada yang saya dapati sekolah rendah dan sekolah menengah terpaksa menggunakan satu bangunan sekolah bergilir-gilir dan ini sangat mendukacitakan. Kalau sekiranya berlanjutan perkara ini, maka yang sengsaranya adalah rakyat kita yang setia pada masa akan datang. Saya harap sekolah-sekolah rendah, guru-guru dan kemudahan-kemudahan pelajaran bagi rakyat kita di Sabah hendaklah ditambah mengikut masa dan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga masaalah rumah sakit atau hospital, adalah didapati kurang sangat diambil perhatian. Saya fikir satu-satu daerah yang mana ada penduduknya seramai 50,000 ataupun kurang sedikit patutlah diadakan hospital daerah yang serba lengkap. Kerana ini adalah perlu bagi merawat rakyat yang berkehendakkan rawatan. Kalau rakyat mendapat kesusahan Kerajaan juga turut sama susah. Oleh kerana agaknya di Sabah perbelanjaan mendirikan hospital dan pentadbirannya memakan beianja yang banyak, maka perkara yang seumpama ini ditangguhkan dari satu masa ke satu masa. Perkara sakit, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak mengira bulu. Saya harap janganlah dipandang dari segi perbelanjaan untuk mendirikan bangunan-bangunan hospital di Sabah. Kalau sekiranya dipandang begitu nasib orang-orang di Sabah adalah sangat malang sekali. Oleh itu saya berharap dapat dibanyakkan lagi hospital-hospital dan kelinik-klinik rawatan ringan di Sabah dengan tidak memandangkan perbelanjaan tetapi hendaklah dipandang dari segi kegunaannya.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

6.15 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, adapun Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di dalam Dewan ini tempoh hari, tahniah diucapkan di atas daya-usaha dan kebijaksanaan beliau mengendalikan Belanjawan negara dalam tahun 1976. Dengan adanya ramalan daripada pakar ekonomi yang mengatakan bahawa pemulihan ekonomi negara akan bertambah baik di dalam masa 6 bulan atau pemulihan sepenuhnya akan berlaku di akhir tahun 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh dasar pelajaran anak-anak kita yang mana pada masa ini telah kita saksikan sendiri iaitu tidak ada membawa mereka boleh berdikari, tetapi pelajaran yang mereka dapat itu hanya membolehkan mereka makan gaji dengan Kerajaan dan swasta dan lain-lain lagi. Sistem pelajaran kita tidak membentuk atau menggalakkan mereka supaya berdikari, kita ketahui adanya di antara mereka yang boleh membuat pekerjaan-pekerjaan tangan yakni berbakat di dalam bidang-bidang yang tertentu. Sayangnya apabila mereka berhenti daripada sekolah, mereka pun sebuk meminta kerja di sana sini. Mereka tidak suka mengasah bakat yang ada pada mereka sebagai satu cara mencari nafkah hidup sendiri iaitu tidak mahu menjadikan bakat yang ada pada mereka itu sebagai mata pencarian atau sebagai satu profession. Saya rasa elok kita ubah cara pelajaran kita dan menggalakkan anak-anak kita membuat pekerjaan sendiri. Dengan ini kita dapat mengatasi masaalah pengangguran di kalangan belia-belia dan kurangnya sedikit beban Kerajaan untuk menyediakan pekerjaan bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh juga berkenaan dengan perumahan. Saya menyuarakan perkara perumahan ini kerana ini adalah satu masaalah perumahan yang ada di mana-mana, tetapi saya cuma bangkitkan tentang masaalah harganya sahaja. Harga rumah sekarang ini jikalau rumah teres biasa ialah di antara \$10,000—\$20,000. Rumah yang seperti ini hanya mampu dibeli oleh orang-orang yang berpendapatan antara \$500—\$800 sebulan, tetapi kalau kita tinjau

pendapatan purata rakyat Malaysia terutama sekali di luar bandar jarang sekali boleh mencapai angka ini.

Harga rumah ini memang melambung tinggi kerana bahan yang kita gunakan sekarang amat mahal. Untuk mengatasi masalah ini, saya rasa elok kita ubah cara kita buat sekarang. Kalau sekarang rumah itu diperbuat dari simin dan batu, mengapa kita tidak ubah dengan menggunakan kayu pula. Kita tahu, negara kita tidak kurang dengan bahan kayu-kayan yang diperbuat dari kayu. Ia boleh tahan seperti rumah batu juga. Kita boleh gunakan kayu yang tidak begitu baik dengan memakai ubat iaitu tanalised timber. Rancangan rumah seperti ini boleh kita dapati di Rancangan Perumahan Sungai Rokam, Ipoh, walaupun sudah didirikan di dalam tahun limapuluhan, masih lagi kuat dan kukuh. Harganya adalah jauh lebih murah dari rumah batu. Kita tidak payah gunakan kayu Chengai, Merbau, Meranti dan sebagainya, kerana kayu-kayu jenis yang tahan lama ini susah didapati tambahan pula harganya mahal. Kita gunakanlah kayu yang kurang baik mutunya, tetapi dibubuh ubat supaya tidak dimakan anai-anai bubuk. Saya rasa dengan ini orang-orang yang berpendapatan kecil pun mampu membeli rumah sesuai dengan rancangan Kerajaan untuk membentuk satu masyarakat yang mempunyai rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita pada masa ini sedang menghadapi keruntuhan akhlak anak-anak kita. Puncanya ialah daripada mereka yang menuntun filem yang dibawa masuk ke negara ini dan lagi buku-buku serta majallah-majallah yang diimport ke negeri ini. Jelas pada kaca mata kita bahawa anak-anak kita yang sedang meningkat dewasa tidak mempunyai tata susila ketimuran dan adat resam turun-temurun di negara kita ini. Kita menggalakkan pelancung-pelancung masuk ke negara kita yang mana hasil pendapatan negara akan bertambah, tetapi hasil di sebaliknya segala tingkah laku tidak disedari telah meresap ke jiwa anak-anak muda kita yang terikut-ikut dengan cara mereka.

Kerajaan hendaklah menyekat lebih ketat lagi filem-filem yang diimport dan buku-buku serta majallah-majallah yang dibawa masuk ke dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita memerlukan lebih ramai lagi anggota Pasukan Keselamatan untuk mempertahankan negara,

maka senjata-senjata moden hendaklah dibekalkan lagi kepada mereka. Pada masa ini pasukan keselamatan kita agak kurang disiplinnya daripada pasukan keselamatan kita di zaman dharurat dahulu. Sudahlah sampai masanya pihak Kementerian Pertahanan membeli dan melengkapkan pasukan keselamatan kita dengan kapal terbang pejuang ditambah empat kali ganda daripada yang ada sekarang ini. Pasukan Meriam diperbesarkan, Pasukan Gerakcepat ditambah hingga satu brigid, Pasukan Kereta Kebal hendaklah diperbesarkan. Ini bukanlah hanya kita hendak masuk ke dalam air tetapi menentang serangan yang datang daripada udara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat tentu masih ingat di zaman dharurat pada bulan Julai, 1948 dahulu. Saya rasa tidak payahlah saya membuang masa di Dewan yang mulia ini menceritakan tawarikh yang tersebut. Dengan adanya disiplin yang ketat serta tanggungjawab yang kukuh daripada pihak atas hinggalah ke bawah, pihak tentera kita dapat menghapuskan pihak komunis dan hasilnya ialah negara kita ini aman dan damai. Oleh itu, saya harap Kementerian yang berkenaan dapat memerhatikan perkara ini dengan lebih serious lagi.

Saya hendak menyebutkan berkenaan dengan kebocoran-kebocoran rahsia negara kita. Ada berita yang tersiar dalam akhbar berkenaan dengan Rukun Tetangga kerana ada pihak yang mencabar mengenai sah atau tidaknya undang-undang yang telah diwartakan dan telahpun dilaksanakan oleh Kerajaan. Mereka berani membawa perkara ini ke mahkamah setelah mereka memikirkan yang mereka akan berjaya kerana mereka tahu kesilapan dan kecuaiannya yang telah diamanahkan oleh Kerajaan kepada pihak yang bertanggungjawab itu telah dapat diketahui oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada satu perkara lagi. Baru-baru ini saya telah menerima sebuah makallah daripada sebuah parti di tanahair kita iaitu kenyataan-kenyataan mengenai perbelanjaan Kerajaan yang mana rahsia yang sangat penting bagi negara kita. Kenyataan itu menyebutkan bagaimana wang yang telah digunakan untuk perisik rahsia negara (intelligence fund) tersebut yang saya fikirkan tidak patut diketahui oleh umum. Perkara ini patutlah

Kerajaan mengambil tindakan keselamatan yang ketat dalam hal ini supaya tidak berlaku lagi.

Baru-baru ini juga dapat kita ketahui soal Peperiksaan Senior Cambridge atau S.P.M. telahpun bocor; pada tahun yang lepas pun bocor. Keadaan yang seperti ini patutlah sangat kita awasi sangat-sangat kerana memalukan negara kita dan tak percaya rakyat negeri ini kepada Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memanjangkan lagi ucapan saya kerana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain akan bercakap dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbelanjaan, 1976 dan saya harap Kerajaan dapat melaksanakannya dengan lebih cekap dan sempurna untuk rakyat kita bersama.

6.25 ptg.

Tuan Loh Fook Yen (Keluang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan perasaan sukacitanya mengalu-alukan ucapan Anggaran Belanjawan bagi tahun depan yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada beberapa hari yang lalu. Saya tidak merasa kagum sekiranya Anggaran Belanjawan ini diulaskan oleh semua pihak dengan seluas-luasnya khasnya ulasan yang didatangkan oleh parti Pembangkang. Tetapi jika dipandang dari sambutan yang dibuat oleh orang ramai, maka saya berani berkata bahawa Belanjawan ini boleh dikatakan telah mendapat sambutan dan diterima oleh semua lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga gembira apabila mendengar ucapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah menegaskan bahawa Kerajaan akan melaksanakan dasar ekonomi dengan adil dan ingin mewujudkan sebuah masyarakat adil dengan sepenuh hati. Ini memang dasar Kerajaan Barisan Nasional. Saya tidak sedikit pun curiga terhadap kejujuran Yang Berhormat Menteri Kewangan itu, lebih-

lebih lagi saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya terhadap keazamannya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini adakah pelaksanaan polisi sudah mencapai tujuan-tujuan polisi yang telah dicadangkan. Saya fikir sampailah masanya bagi kita membuat kajian dengan sedalam-dalamnya oleh kerana mengikut laporan-laporan yang telah disediakan ataupun ucapan Belanjawan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa negara kita masih menghadapi beberapa masaalah. Misalnya, Kerajaan melaksanakan rancangan tanah. Sungguhpun Kerajaan telah menubuhkan beberapa agensi-agensi seperti FELDA, FELCRA dan Lembaga Kemajuan Tanah Belia dan boleh dikatakan agensi-agensi ini memang telah berjalan dengan baik dan pada umumnya boleh dikatakan rancangan-rancangan yang telah dijalankan oleh agensi-agensi ini telah mencapai kejayaan, tetapi apa yang mendukacitakan saya kebanyakan rancangan-rancangan ini tidaklah membayangkan komposisi berbilang kaum negara kita ini. Sementara itu saya lihat bahawa masih ada lagi banyak belia-belia yang bukan Melayu menyatakan kekurangan peluang-peluang bagi mereka mengambil bahagian dalam rancangan itu. Belia-belia adalah sebahagian besar penduduk-penduduk dalam negara kita ini. Jika kita tidak memberi peluang kehidupan yang seimbang kepada semua belia-belia itu, saya percaya ini akan menjadi satu social problem dan cabaran kepada negara kita ini. Oleh yang demikian, saya mendesak Kerajaan supaya menimbangkan untuk membuat satu undang-undang bagi mengadakan satu sistem quota yang boleh memuaskan keadaan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, hari Khamis, 20hb November, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.